



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

Jilid IV Bil. 11 Hari Isnin 25hb Julai, 1994

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAH (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa
Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994** (Ruangan 42)

**Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan
(Pindaan) 1994** (Ruangan 56)

Rang Undang-undang Insurana (Pindaan) 1994 (Ruangan 122)

DN.25.7.94

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 25hb Julai, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PEMINDAHAN TEKNOLOGI MELALUI PELABURAN ASING - MEREALISASIKAN

1. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) sama ada tindakan telah diambil oleh Kerajaan terhadap maaalah negara kita masih bergantung kepada negara asing untuk teknologi; dan
- (b) untuk memalisasikan hasrat sebagai negara perindustrian dan memenuhi matlamat Wawasan 2020, apakah kesan negatif jika negara kita mengharapkan pemindahan teknologi melalui pelaburan asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pemindahan teknologi daripada negara luar adalah merupakan satu proses yang berlaku secara langsung melalui berbagai bentuk seperti usaha sama, bantuan teknikal, kebenaran menggunakan lesen dan paten, kejuruteraan dan "know-how", dengan izin. Malah telah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan pemindahan teknologi daripada negara luar kepada industri-industri tempatan demi mencapai matlamat pembangunan perindustrian negara.

Pada tahun 1993 sahaja sebanyak 185 perjanjian pemindahan teknologi telah ditandatangani di antara syarikat-syarikat tempatan dan syarikat-syarikat luar negeri. Di samping itu, bagi melicinkan proses pemindahan teknologi, kerajaan telah membenarkan syarikat-syarikat tempatan dalam bidang pembuatan mengambil pekerja asing yang berkemahiran untuk melatih pekerja-pekerja tempatan melalui pengwujudkan jawatan "tiroe post" dan "key post", dengan izin. Walau bagaimanapun, dalam waktu yang sama kerajaan juga telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan teknologi tempatan di negara ini. Contohnya pada tahun 1990, kerajaan telah melancarkan Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian yang pelaksanaannya melibatkan berbagai kementerian dan agensi kerajaan termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sementara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bertindak sebagai agenai penyelaras.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah menubuhkan beberapa agensi baru untuk mengambil peranan aktif di dalam usaha pembangunan teknologi iaitu:-

- (i) menubuhkan Malayalan Technology Developmaent Corporacion Sdn. Bhd (MTDC) pada tahun 1992. MTDC ialah sebuah syarikat usaha

sama di antara kerajaan dan pihak swasta bertujuan untuk membangunkan "indigenous technology" dengan izin, dan memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan oleh institusi-institusi penyelidikan dan universiti;

- (ii) menubuhkan Taman Teknologi Malaysia pada tahun 1988 sebagai usaha membantu syarikat-syarikat tempatan yang berasaskan teknologi membangun dan berkembang bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa;
- (iii) menubuhkan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) pada tahun 1992 sebagai pusat pembangunan, pengumpulan dan pengagihan maklumat-maklumat dari dalam dan luar negara mengenai sains dan teknologi di dalam usaha menggalakkan pnyaluran teknologi dalam industri;
- (iv) membangunkan Taman Teknologi Tinggi di Kulim, Kedah bagi menempatkan syarikat-syarikat berteknologi tinggi. Di samping itu insentif pengecualian cukai sepenuhnya bagi tempoh 5 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan pada kadar 60% juga disediakan untuk syarikat-syarikat berteknologi tinggi.

- (b) Adalah tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan teknologi tempatan (indigenous technology) adalah sangat penting untuk merealisasikan hasrat negara untuk menjadi negara perindustrian menjelang tahun 2020. Namun, sepertimana yang dinyatakan tadi, pemindahan Teknologi melalui pelaburan asing juga berperanan penting di dalam pembangunan perindustrian di negara ini. Sebagai sebuah negara yang masih sedang membangun, pemilikan teknologi melalui pemindahan daripada negara luar yang telah maju sangat diperlukan. Memandangkan dunia kini telah menjadi "global village", dengan izin, pergantungan sesebuah negara terhadap negara lain untuk teknologi adalah tidak dapat dielakkan. Negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat juga masih bergantung terhadap satu sama lain dalam pembangunan teknologi.

Di dalam hal ini, Malaysia juga akan terus bergantung kepada negara-negara asing yang maju untuk memperolehi teknologi tinggi dan baru. Namun usaha-usaha pemindahan teknologi akan gagal sekiranya industri di Malaysia tidak berupaya menyerap dan menguasai teknologi yang dipindahkan. Oleh yang demikian, kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah seperti menubuhkan lebih banyak pusat-pusat latihan teknik, menggalakkan penubuhan pusat

pembangunan kemahiran oleh sektor swasta dan pelbagai insentif cukai dan kewangan untuk mempergiatkan aktiviti latihan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai hasil daripada inisiatif-inisiatif tersebut, industri di negara kita pada masa ini tidak menghadapi banyak masalah untuk menyerapkan teknologi yang dibawa masuk daripada luar.

Tuan Abdul Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Pertamanya saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapa kerapkah pihak kementerian menjalankan kajian sama ada sesebuah syarikat itu telah melakukan pemindahan teknologi kepada pelabur-pelabur dalam negara?

Yang keduanya, apakah insentif ataupun apakah hukuman yang telah dikenakan oleh pihak kementerian kepada syarikat-syarikat yang berjaya ataupun yang telah pun gagal melakukan pemindahan teknologi?

Dato' S.S. Subrantaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu usaha untuk mengawal ataupun menguasai pemindahan teknologi daripada luar negeri ke negara kita masih tidak diadakan, tetapi kita sedang berusaha untuk mencari jalan bagaimana satu tindakan atau kerja-kerja yang lebih manfaat kepada negara kita boleh diwujudkan untuk menguasai bagaimana kita boleh mendapat lebih banyak teknologi daripada luar negeri.

Bagi soalan (b), banyak insentif yang telah diberi oleh Kerajaan kita kepada syarikat-syarikat yang berupaya untuk memindahkan teknologi daripada luar negeri kepada negara kita seperti insentif cukai, ECP dan sebagainya, tetapi untuk menjaga, sebagaimana berlaku banyak syarikat telah gagal untuk memindahkan teknologi kepada negara kita, kita masih tidak ada satu tindakan yang positif di dalam perkara ini.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah teknologi tinggi yang telah dicapai melalui pelaburan sejak negara kita melibatkan diri dalam perindustrian?

Apakah teknologi yang diharapkan itu sebahagiannya hanyut ke negara lain akibat daripada pekerja ataupun buruh daripada negara asing terpaksa diambil bekerja oleh negara kita?

Dato' S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk kita mendapat tahu berapa peratuskah teknologi tinggi yang telah pun dicapai ataupun telah dipindahkan dari negara asing ke negara kita, kita hanya mengadakan beberapa butir-butir seperti joint-venture agreement, technical assistant agreement, licensing patent, know-how

transfer dan sebagainya, dan angka-angka yang kita telah terima, hingga masa kini kita ada lebih kurang 2,271 syarikat yang telah menandatangani banyak agreement untuk memindahkan teknologi daripada luar negeri kepada negara kita. Selain daripada ini kita tidak ada angka-angka lain.

Seperti yang telah saya kata tadi, Kerajaan telah membuka kuasa kepada syarikat-syarikat tempatan untuk mengambil pekerja-pekerja mahir daripada luar negeri seperti di dalam 'tiraie-post' dan 'key-post'. Ini adalah satu langkah yang telah kita ambil untuk menjaga pemindahan teknologi daripada luar negeri ke negara kita yang akan dapat dicapai seperti yang kita harapkan.

Tuan Hatipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit keterangan daripada Setiausaha Parlimen. Adakah Kerajaan dapat menunjukkan apakah usaha-usaha yang telah dapat diambil oleh pihak pelabur-pelabur luar negeri untuk memindah teknologi kepada warga tempatan?

Kedua, daripada 185 MOU yang telah ditandatangani dengan pihak Kerajaan, adakah Kerajaan berpuashati di atas kadar pemindahan teknologi kepada warga tempatan hingga masa sekarang? Kalau tidak, apakah langkah-langkah sepatutnya supaya dalam usaha membanyakkan pioneer status, usaha memindahkan teknologi ini dapat diperketatkan lagi dari satu masa ke satu masa?

Dato' S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan itu saya rasa mempunyai tujuan yang sama dan oleh yang demikian, saya suka menjawab kedua-dua soalan dalam satu, iaitu, boleh

dikatakan di sini bahawa Kerajaan masih tidak berpuas hati di atas pemindahan." teknologi daripada orang-orang asing kepada orang-orang tempatan. Kerajaan sedang mengkaji dengan lebih mendalam untuk menentukan bagaimana kita boleh mendapat lebih 'transfer technology' daripada orang asing kepada orang-orang tempatan.

**BURUH ASING/PEMBANTU RUMAH - PENGLIBATAN DALAM
KES KECURIAN DAN PELACURAN**

2. **Puan Hajah Rahmah binti Saleh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah pengambilan buruh asing telah dihentikan buat masa ini atau masih diteruskan secara berperingkat;
- (b) setakat ini berapakah jumlah pembantu rumah yang terdiri dari rakyat asing yang membuat kesalahan seperti mencuri hakmilik majikan atau kes-kes yang bersabit dengan majikan yang dilaporkan;
- (c) adakah pembantu rumah yang terlibat ini dapat dikesan dan juga ditangkap;
- (d) berapa ramai jumlah wanita asing ini yang terlibat dengan kes pelacuran; dan
- (e) hukuman bagaimanakah yang telah dipersetujui oleh Kerajaan kepada mereka yang terbabit dengan kes-kes seumpama ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka

Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini pengambilan buruh asing masih dibekukan.
- (b) Sejak tahun 1993 hingga Jun 1994, sebanyak 14 kes kecurian membabitkan pembantu rumah telah dilaporkan.

- (c) Sejak tahun 1993 hingga Jun 1994, daripada 14 kes yang dilaporkan hanya 6 kes sahaja dapat diselesaikan di mana pembantu rumah yang terbabit telah ditangkap dan didakwa.
- (d) Sejak Januari 1994 hingga Jun 1994 seramai 45 orang wanita asing telah ditangkap kerana disyaki terlibat dengan kegiatan pelacuran di negara ini.
- (e) Selain daripada tindakan mahkamah, rakyat asing yang terlibat dalam kegiatan jenayah akan dihantar pulang ke negara asal dan nama mereka akan disenaraihitamkan dari memasuki negara ini pada masa depan.

Tuan Fu Ah Kow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian Dalam Negeri pernah menubuhkan satu pasukan khas untuk buruh asing untuk mengawalselia perkara yang berkaitan. Adakah pasukan itu masih berfungsi dan apakah perkembangannya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu pasukan petugas tetap telahpun diluluskan oleh Kabinet dan sedang disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri di mana Urusetianya akan ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menguruskan semua hal-hal yang ada kaitan dengan pekerja asing dan juga pendatang tanpa izin, . Ini akan menjadi satu Jabatan tetap untuk meningankan Jabatan Imigresen dan juga untuk meringankan beban kerja Jabatan-jabatan lain yang pada masa ini sedang menjalankan banyak kerja secara ad hoc . Jadi, dengan adanya jawatan-jawatan dan peruntukan yang diminta, Kementerian Dalam Negeri yakin kita akan dapat menguruskan semua hal-hal mengenai pekerja asing dan pendatang tanpa izin dengan lebih licin dan lebih berkesan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pertama sekali apakah jalan penyelesaian yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Filipina di atas penahanan pembantu rumah rakyat Filipina.

Kedua, kita telah difahamkan bahawa ada satu badan wanita daripada negara Indonesia telah menyatakan satu tuduhan bahawa telah berlaku salah laku terhadap pembantu rumah yang berkhidmat di negara Malaysia. Apakah pandangan dan tindakan Kerajaan di atas saranan daripada pihak Indonesia ini?

Ketiga, tempoh hari ada kedatangan pendatang haram daripada negara China dan saya mengucapkan syabas di atas tindakan dan penyelesaian yang telah diambil oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Walau bagaimanapun, kita dimaklumkan 9 daripada 20 warga negara yang berkenaan telah dihantar balik dan bakinya bagaimanakah kedudukan 11 orang lagi. Adakah mereka ini akan dihantar pulang ataupun akan di hantar ke negara ketiga ataupun akan dikekalkan tinggal di negara Malaysia?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama, mengenai pembantu rumah Filipina, perkara ini telahpun selesai dan tidak menjadi isu lagi. Sebenarnya tidak ada apa-apa isu sangat, di mana pihak berkuasa Malaysia cuma menjalankan tugas penguatkuasaan seperti biasa dan juga pihak Kerajaan Filipina pun faham bahawa ini adalah bidang kuasa kita. Kedua-dua negara telah dengan secara diplomatik tidak menjadikan ini sebagai satu isu.

Untuk soalan kedua, mengenai ada dakwaan dari badan wanita Indonesia, walau apa-apa dakwaan pun, pihak berkuasa akan menyiasat dan sekiranya dakwaan itu berasas, kita akan mengambil langkah-langkah yang sesuai. Tetapi setakat ini pihak berkuasa termasuk Imigresen selama ini mengawasi semua tingkah laku pembantu rumah, tidak kira mereka dari mana. Kalau ada mana-mana pihak yang telah mengadu kepada pihak berkuasa bahawa sesuatu perkara telah berlaku di luar daripada undang-undang, maka kita akan pastikan bahawa ianya tidak dibenarkan untuk berterusan.

Untuk soalan yang ketiga, pendatang tanpa izin daripada negeri China ini adalah juga seperti pendatang tanpa izin dari mana-mana negara. Prinsip ataupun pendirian negara kita ialah kita tidak akan bertolak-ansur untuk membenarkan mana-mana pendatang tanpa izin untuk duduk di sini secara tidak sah. Mereka mesti dihantar pulang dan soal untuk di hantar ke negara ketiga itu tidak wujud kerana Malaysia tidak boleh dijadikan sebagai sebuah negara "batu loncatan" yang mana sesiapa saja suka datang sini kita kena atur pergi ke mana-mana dia hendak pergi. Itu adalah satu perkara yang tidak betul.

Jadi, 11 daripada 20 pendatang tanpa izin dari negeri China itu akan dihantar balik. Cuma kita perlu berikan sedikit masa supaya Kedutaan Negeri China boleh uruskan hal ini dengan baik.

Tuan Shuib bin Endut: Dalam jawapan tadi, 45 orang wanita asing yang ditangkap kerana kes pelacuran. Saya hendak tanya, dari manakah mereka itu datang sama ada dari Thailand ataupun Indonesia?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada 45 orang wanita asing yang terlibat dalam pelacuran pada tahun ini setakat Jun, 20 orang dari mereka datang dari negara Thailand, 15 orang dari Indonesia dan 10 orang dari Filipina.

**DADAH - KAJIAR SEMULA KEBERKESANAN
UNDANG-UNDANG MEMBANTERAS PEMULIHAN**

3. **Puan Hajah Che Pora binti Baji Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang mengkaji semula keberkesanan membanteras dadah dan pemulihannya di pusat serenti memandangkan jumlah penagih dadah semakin bertambah; dan
- (b) adakah kerajaan sedia mempertimbangkan konsep "Kampung Baru" seperti yang pernah diamalkan semasa darurat untuk menempatkan penagih dadah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan membuat kajian semula dari masa ke semasa bagi memastikan keberkesanannya sama ada di bidang penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaannya, pencegahan dan pemulihan termasuk Akta yang bersabit dengannya;

- (b) pada masa **ini**, kerajaan belum lagi berhasrat untuk mempertimbangkan konsep "Kampung Baru" seperti yang pernah diamalkan semasa darurat untuk menempatkan penagih dadah.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengikut laporan yang diperolehi, dadah masih juga terdapat di pusat-pusat serenti yang dikhaskan untuk penagih-penagih dadah. Walaupun kerajaan, seperti yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi, tidak bercadang untuk menimbangkan konsep "Kampung Baru" seperti yang diamalkan semasa darurat, apakah Yang Berhormat setuju kalau saya cadangkan bahawa kerajaan menetapkan sebuah pulau bagi penagih-penagih dadah ini supaya bekalan-bekalan dadah susah sampai ke pulau berkenaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang tanpa mengkaji dengan mendalam bahawa sesuatu tempat seperti pulau ataupun satu tempat yang diasingkan daripada penduduk yang lain nampaknya boleh menyelesaikan masalah pengedaran dadah tetapi dengan diasingkan penagih dadah ini, ia sudah bercanggah dengan prinsip rawatan.

Kita hendak merawat mereka supaya mereka itu tidak jauh sangat daripada masyarakat dan pada masa yang sesuai mereka itu masih perlu diberi keyakinan, diberi penyesuaian diri dengan masyarakat. Oleh yang demikian, pada masa ini kerajaan tidak boleh menimbangkan cadangan Yang Berhormat walaupun niatnya adalah baik.

Pada masa yang akan datang, kita akan cuba mengatasi masalah pengedaran dadah itu dengan cara yang lain.

KOS RAWATAN JANTUNG - RAYUAN BANTUAN KEWANGAN

4. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar akan rayuan bantuan kewangan untuk menampung kos menjalani pembedahan jantung dan rawatan-rawatan lain yang melibatkan beribu ringgit yang dibuat oleh pesakit atau warisnya kerana mereka tidak mampu. Memandangkan keadaan **ini**, adakah Kementerian sendiri menubuhkan suatu skim Kesihatan Nasional yang mempunyai Tabung Daruratnya sendiri untuk memberi bantuan kepada mereka yang tidak mampu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar tentang kos rawatan pembedahan jantung dan rawatan lain yang tinggi mengakibatkan ramai golongan yang miskin, yang tidak mampu terpaksa meminta bantuan kewangan melalui 'public donation' dan sebagainya. Oleh **itu**, bagi menampung keperluan golongan yang tidak mampu **ini**, maka Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah pun memperuntukkan satu jumlah yang agak banyak iaitu sebanyak RM37 juta untuk rawatan pembedahan jantung di IJN bagi kakitangan kerajaan dan golongan orang yang tidak mampu pada tahun 1993 sahaja, dan peruntukan ini akan dijangka meningkat kepada RM50 juta pada tahun 1994.

Ini hanyalah diberi kepada orang-orang yang disifatkan ataupun diluluskan sebagai yang tidak mampu dan perlu melalui satu sistem dinamakan sistem 'Means Test' ataupun Sistem Ketidakkampuan. Oleh kerana ramai orang yang menunggu untuk menjalankan pembedahan, setakat ini saya difahamkan lebih dari 2,000 orang menunggu untuk di-bedah, maka kita perlu mengadakan satu sistem di mana semua

kes yang perlukan bantuan tersebut, perlu pergi ke hospital kerajaan untuk diperiksa dan akhirnya dirujuk ke IJN jika memerlukan pembedahan dan jika sekiranya mereka lulus 'Means Test'¹ maka wang sebanyak yang telah pun diperuntukkan akan digunakan untuk menampung perbelanjaan tersebut. Berkemungkinan ada sedikit perbelanjaan yang diperlukan untuk dibayar iaitu untuk disposable, dengan izin, sekurang-kurangnya tidak lebih dari RM500.

Walau bagaimanapun, rancangan ini akan diteruskan sekiranya pembedahan yang diperlukan itu meningkat dan setakat ini, rekod kita menunjukkan ramai orang yang memerlukan pembedahan tersebut dan, dengan izin, line of waiting list makin panjang.

Untuk keperluan rawatan yang lain iaitu secara umum, pada masa ini Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan KKM atau Kementerian Kesihatan sedang menjalankan satu kajian yang dinamakan Kajian Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan ataupun HOW-CARE System dan kajian ini telah pun dimulakan pada tahun 1987 lagi di mana di peringkat pertama dan yang keduanya pun telah selesai dan peringkat ketiganya akan dijalankan tidak lama lagi.

Kerajaan terpaksa mengambil langkah berhati-hati kerana kita tidak mahu mengulangi kesilapan yang telah dilakukan oleh banyak negara yang dikatakan maju, yang telah pun menjalankan sistem yang sedemikian. Kita perlu belajar dan memampatkan sistem tersebut sebelum kita melaksanakannya di Malaysia.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah bantuan itu akan diberi kepada mereka yang jantungnya rosak kerana merokok?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Pada peringkat ini, belum ada dasar yang telah pun dibuat mengenai hal yang demikian tetapi sekiranya perlu, berkemungkinan kita boleh mempertimbangkannya.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa penyakit jantung merupakan musuh ataupun musuh utama negara dan pencegahan adalah lebih baik daripada mengubati.

Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, seramai 2,000 orang sedang menunggu untuk mendapatkan rawatan. Jadi, dari segi jangka panjang, adakah Yang Berhormat setuju kalau saya cadangkan setiap pegawai kerajaan ataupun setiap mereka yang bekerja di sektor swasta hendaklah mendapat rawatan jantung ataupun rawatan pemeriksaan doktor setiap 5 tahun sekali khasnya bagi mereka yang telah berumur lebih dari 40 tahun?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan supaya tidak timbul salah faham. Saya ingin menyatakan di sini dengan tegas bahawa yang menunggu untuk dibedah ialah 2,000 orang, yang dirawat secara 'angel plasty' lain daripada itu. 'Angle plasty' ialah bahasa umumnya kata 'balloon' iaitu kita masukkan sistera 'balloon' dan kita pam 'balloon' itu dan jantung itu akan terbuka dan kita namakan ini 'angel plasty'.

Yang ketiga, sekiranya pesakit-pesakit jantung itu tidak perlu pembedahan, dia boleh lalu IJN dalam sehari. Bermakna dia masuk pagi, dirawat tengah hari dan petang keluar. Jadi, oleh kerana itu, maka jika dicampur semua ketiga-tiga jenis jantung ataupun yang berkaitan dengannya ataupun necessarily arising naturally out of it, dengan izin, maka bilangannya adalah lebih tinggi. Dalam Dewan ini pun, saya percaya ramai dari kita yang ada sedikit-sebanyak mungkin penyakit jantung yang kebanyakannya mungkin daripada perokok sendiri.

Jadi, oleh kerana **itu**, maka saya bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan kita perlu membuat check-up, bukan lima tahun sekali; kalau boleh, setahun sekali. Sebab badan kita ini macam enjin kereta juga, perlu service dan badan yang tidak diservice adalah seperti kereta yang tidak diservice. You cannot service your body if you do not take care of your body. [Ketawa] Tetapi saya tidak bersetuju jika sekiranya mereka dipaksa menjalani pemeriksaan tersebut oleh kerana ini adalah satu kebebasan ataupun a freedom - rakyat diberi kebebasan untuk memilih. Tetapi kita cuba menggalakkan mereka dala satu program yang kita namakan "Healthy Life Style Programe" di mana kita galakkan supaya mereka mengenal penyakit mereka lebih awal dan mengambil tindakan-tindakan sendiri untuk mengelak daripada mereka terkena penyakit tersebut.

Oleh kerana itulah maka we are convicted, dengan izin, ataupun kita corwinces dan kita resolves untuk menjalankan kempen ini sampailan, insya Allah, masyarakat sedar tentang gaya hidup mereka itu perlu diubah.

RUMAH KOS RENDAH - PINDAAN SYARAT PEMILIKAN

5. **Puan Kian Sit Har** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah pindaan-pindaan syarat dibuat bagi seseorang lelaki/perempuan (duda atau janda) untuk mendapatkan rumah kos rendah di satu-satu projek perumahan, berdasarkan dengan yang berkenaan mampu membeli rumah dan ada mempunyai keluarga.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan

yang mulia **ini**, kerajaan tidak membezakan di antara duda dan janda dengan orang-orang lain, apatah lagi kalau duda dan janda yang muda kerana mereka boleh berumahtangga semula.

Oleh sebab yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada membuat apa-apa pindaan syarat berhubung dengan pemilikan rumah kos rendah oleh janda dan duda. Pertimbangan sewajarnya diberikan kepada golongan tersebut dalam pemilikan rumah kos rendah kerajaan dan pemilihan dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri menggunakan sistem markah berasaskan beberapa kriteria yang ditetapkan oleh mereka.

PROGRAM PEMBANGUNAN KELUARGA

6. Tuan Haji Dol bin Dolah minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah rancangan dalam tahun ini telah dikelolakan oleh Kementerian beliau untuk melatih ibu bapa untuk mendapat penerangan dan kaedah penjagaan yang kemaskini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Tong Khoon Seng]: Tuan Yang di-pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjalankan latihan mengenai keibubapaan kepada orang ramai melalui Jabatan di bawah Kementerian.

Aspek keibubapaan dalam Program Pembangunan Keluarga yang di-kendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara atau LPPKN disalur melalui aktiviti-aktiviti penerangan kepada orang ramai serta kursus bagi pelatih-pelatih utama agensi-agensi yang berkaitan. Sepanjang tahun ini, sebanyak 74 kursus orientasi telah dirancang bagi orang ramai manakala sebanyak 5 kursus telah diatur untuk pelatih-pelatih utama di zon-zon Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak.

FELDA - JUMLAH PENERIMA SURAT HAK MILIK

7. Puan Kelsom binti Yaacob minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:-

- (a) jumlah peneroka Tanah Rancangan FELDA di seluruh negara yang telah menerima Surat Hak Milik tanah sepenuhnya sejak FELDA ditubuhkan; dan
- (b) jumlah yang telah menerima Surat Hak Milik, menjualkan tanah mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dato' Mohd. Noh bin Rajab] : Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah peneroka yang telah menerima Surat Hak Milik sejak FELDA ditubuhkan ialah 21,383 orang.
- (b) Mengikut rekod FELDA, tiada peneroka yang menjual tanah mereka selepas menerima Surat Hak Milik.

Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sekarang ini terdapat hampir 3000 lot tanah di FELDA yang kosong yang tidak dimasukkan peneroka. Selain daripada itu, 3000 lot tanah kosong nampaknya sekarang diserahkan kepada FELDA Plantation ataupun syarikat-syarikat. Adakah ini tanda awal pihak Kementerian hendak menswastakan FELDA yang ada di negara kita pada hari ini?

Dato' Mohd. Rob bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati juga tentang cara Ahli Yang Berhormat itu membuat conclusion-nya. 3000 lot kosong, walaupun saya tidak dapat hendak pastikan jumlah ini, adakah Yang Berhormat maksudkan bahawa lot yang tidak dimasukki oleh mana-mana peserta ataupun lot yang mana peserta-pesertanya telah meninggalkan rancangan? Ingin saya menerangkan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan telah memutuskan,

oleh kerana ketiadaan tanah-tanah lagi untuk dikerjakan atau untuk dijadikan kawasan tanah FELDA, maka kerajaan telah membuat keputusan supaya usaha ataupun pengambilan peserta-peserta ke rancangan-rancangan yang baru dihentikan.

Walau bagaimanapun, terdapat lot-lot kosong yang mana peserta-pesertanya sesudah tinggal ataupun memasuki rancangan beberapa ketika, mendapati mereka tidak lagi berminat terhadap usaha **ini**. Jadi, mereka meninggalkan rancangan dan lot-lot mereka ini pun menjadi kosong. Yang ini pun mengikut dasar kerajaan hari **ini**, tidak juga diisi oleh peserta-peserta baru.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada dasarnya terdapat dalam perjanjian antara FELDA dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, sejumlah 10% daripada tanah-tanah rancangan itu telah dipersetujui untuk dijalankan ataupun diusahakan oleh FELDA sendiri untuk tujuan-tujuan ataupun keuntungan-keuntungan hasil daripada urusan itu digunakan oleh FELDA bagi maksud-maksud yang banyak. Dalam masa pengambilan peserta-peserta yang begitu ramai dahulu, FELDA telah bertolak ansur dan tidak menggunakan kuota 10% **ini**. Jadi, walaupun ada tanah lot yang kosong, ini hanyalah untuk mengisi kuota kekosongan 10% ini. Jadi, kekosongan ataupun usaha tidak mengambil lagi peserta-peserta rancangan yang baru, saya rasa kalau adapun bukanlah menjadi satu faktor yang besar, tindakan Kerajaan untuk memikirkan penswastaan bahagian-bahagian FELDA **ini**.

KHAZANAH HOLDINGS BERHAD - PELABURAN

8. Datuk David Teoh Eng Hock minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada syarikat Khazanah Holdings akan menjadi pelabur terbesar di dalam negeri dan juga di luar negara; dan
- (b) sama ada saham-saham yang bernilai RM72.5 bilion yang ada di badan-badan korporat seperti Tenaga Nasional Bhd; Telekom Malaysia; EON dan Proton akan diserahkan kepada Khazanah Holdings Company ini dan jika tidak, berikan sebab-sebab mengapa ia tidak dilakukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Affifudiz bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Khazanah Holdings Berhad ataupun dipanggil Khazanah merupakan sebuah syarikat induk pelaburan Kerajaan. Ia mempunyai dua fungsi yang utama seperti berikut:

(i) Mengawasi syarikat di mana ia roemegang pelaburan ekuiti, terutamanya anak-anak syarikat supaya pelaburan-pelaburan ekuiti itu akan memberi pulangan modal yang seberapa baik kepada Kerajaan dan juga memastikan supaya syarikat-syarikat tersebut mencapai objektif-objektif penubuhan masing-masing;

(ii) manbuat pelaburan-pelaburan baru dalam bidang-bidang strategik yang dianggap penting untuk perabangunan negara, terutamanya dalam bidang perindustrian berteknologi tinggi.

(b) Berasaskan kepada fungsi-fungsi yang saya sebutkan di atas, adalah bukan tujuan Khazanah untuk menjadi pelabur terbesar sama ada di dalam ataupun di luar negara. Khazanah ditubuhkan bukan dengan tujuan untuk bersaing dengan mana-mana syarikat swasta. Ia akan membuat pelaburan hanya jika pelaburan itu dianggap strategik untuk negara dan ia memerlukan modal yang besar dan mempunyai pulangan yang agak lama dan risiko yang lebih tinggi yang menjadikannya tidak begitu tertarik kepada kebanyakan syarikat swasta.

Tambahan pula di samping raerabuat pelaburan baru, KHAZANAH juga akan menjualkan mana-mana pelaburannya apabila dianggap tidak perlu lagi dipegang olehnya.

Kerajaan telahpun beraetuju secara dasarnya untuk memindahkan semua pelaburan Kerajaan yang pada masa ini dipegang oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada KHAZANAH melainkan saham-saham dalam PETRONAS dan saham-saham emas. Pemindahan ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat selari dengan peningkatan kemampuan pengurusan KHAZANAH untuk tugas pengawasan. Pemindahan sahara-saham di dalam beberapa syarikat tertentu kepada KHA2ANAH sedang dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan dan kenyataan akan dibuat setelah keputusan dibuat.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parliaraen Kementerian Kewangan tadi, salah satu daripada fungsi KHAZANAH ialah mentbuat pelaburan dalam industri-industri berteknologi tinggi di mana pulangannya lebih panjang dan risikonya tinggi. Kalau demikian, adakah ini bererti KHAZANAH ini sedia menghadapi kerugian dan kalau demikian, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh KHAZANAH untuk ntendapatkan sokongan dari orang ramai tentang kesediaan untuk menghadapi kerugian itu?

Dato' Dr. Affifudin bin Raji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebut mengenai dengan risiko yang tinggi, tidak semestinya KHAZANAH akan menghadapi kerugian ataupun bersedia menghadapi kerugian. Yang pentingnya ialah apabila KHAZANAH ditubuhkan dengan

suatu struktur yang baik dan perancangan yang baik. • Walaupun risiko itu tinggi, dengan pengurusan yang teratur kemungkinan risiko itu dapat direndahkan.

Untuk jawapan yang kedua, yang raana Yang Berhorraat ingin tahu apakah tindakan KHAZANAH untuk roendapatkan sokongan; KHA2ANAH juga akan terlibat di dalam usaha-usaha mengambil alih syarikat-syarikat yang ada ekuiti Menteri Kewangan (Diperbadankan) di dalam KLSE yang tnana akan terbuka kepada penglibatan pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur-pelabur luar negeri.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parliaraen, scbagaimana Yang Berhormat sedia maklum; Khazanah Holdings telahpun ditubuhkan semasa berlakunya kerugian yang besar oleh Bank Negara Malaysia. Tetapi semasa jawapan daripada Yang Berhormat tadi, tidak"menyebut peranan Khazanah Holdings dari segi raentadbirkan lebih daripada RM90 bilion rezab yang dimiliki oleh Bank Negara Malaysia. Jadi, adakah Khazanah Holdings juga akan bertanggungjawab untuk menguruskan rezab Bank Negara Malaysia int supaya Bank Negara Malaysia hanya bertumpu kepada masalah-masalah kewangan sahaja?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, se-panjang yang saya tahu tidak -ada di dalam niat Kerajaan untuk mengambil alih fungsi pentadbiran rezab Bank Negara Malaysia oleh Khazanah Holdings dan apa yang diberhentikan di dalam aktiviti Bank Negara Malaysia hanyalah penglibatan di dalam forex yang diarahkan oleh Yang AraaC Berhorraat Menteri Kewangan tempoh hari.

Setakat ini tidak ada niat untuk mengarabil alih pentadbiran rezab Bank Negara Malaysia itu.

ASRAMA UNTUK PEKERJA KILANG

9. Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meletakkan syarat-syarat kepada pengusaha-pengusaha kilang supaya mengadakan asrama yang ada dengan pengawasan kepada pekerja-pekerja kilang bagi mengelakkan berlaku gejala-gejala buruk terhadap pekerja-pekerja kilang sebagaimana yang berlaku pada hari ini,

Timbalan Menteri Sumber Manusia Dato' H. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada undang-undang yang mensyaratkan pengusaha-pengusaha kilang menyediakan asrama untuk pekerja-pekerja mereka. Namun demikian, majikan-majikan sentiasa digalakkan dan digesa supaya menyediakan asrama. Hasil dari galakan dan gesaan ini semakin ramai majikan telah menyediakan asrama lebih-lebih lagi di dalam keadaan pasaran buruh yang ketat sekarang di mana asrama-asrama yang disediakan menjadi satu insentif untuk menarik pekerja-pekerja bekerja dengan majikan-majikan yang berkenaan.

Di samping itu, beberapa Kerajaan Negeri seperti Johor, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan ada melaksanakan rancangan khas bagi tujuan menyediakan kemudahan perumahan untuk pekerja-pekerja di sektor pembuatan.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian ini dapat mengesan pengusaha-pengusaha kilang negeri manakah yang banyak terlibat dengan kes-kes gejala yang buruk ini yang dilakukan oleh pekerja-pekerjanya?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bidang kuasa Kementerian saya kerana ini adalah kejadian selepas waktu kerja.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa tugas untuk mengadakan tempat tinggal ataupun asrama bagi pekerja-pekerja bukanlah tugas kepada pengusaha-pengusaha kilang. Tetapi adakah pihak Kementerian pula bercadang untuk mengadakan penyelarasan dengan pihak Kerajaan Negeri ataupun dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya di mana diadakan kilang-kilang, di situ juga pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Kerajaan Negeri mengadakan rumah-rumah murah untuk pekerja-pekerja kilang?

Dato' M. Mahaliogam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada tetapi Kementerian Sumber Manusia boleh membincangkan perkara ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDDSTRI PEMBINAAN MALAYSIA -
PEMCAPIAN MATLAMAT PENUBDHAN**

10. Tuan Haji Abdul Salam bin AwAng minta Menteri Rerja Raya menyatakan memandangkan "Construction Industry Development Authority" atau CIDA akan ditubuhkan tahun depan (1995) dan perbadanan itu ialah untuk menentukan kerja-kerja kontrak, pembangunan-pembangunan dilaksanakan dengan mutu kerja yang tinggi dan memuaskan; apakah langkah-langkah kerajaan yang tertentu untuk memastikan program ini mencapai matlamatnya dan setakat manakah mereka yang barus terlibat seperti pemaju, arkitek, consultants, kontraktor-kontraktor kecil, pembekal dan lain-lain yang berkaitan diberi penekanan ataupun arahan-arahan tertentu untuk membuat persediaan bagi tujuan itu.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Peter Tinggom Anak Kamarau]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhorraat, fungst utama penububan Lembaga Pembangunan Industri Pcmbinaan Malaysia (LPIPM) adalah untuk menentukan kerja-kerja perabinaan yang berkualiti. Oleh itu langkah-langkah berikut akan dilaksanakan bagi memastikan matlamat ini tercapai iaitu:-

(i) Mengakreditasi Pekerja-pekerja Mahir dan Penyelia-penyelia Tapak .

Pekerja-pekerja yang melaksanakan ketukangan-ketukangan tertentu dan penyelia-penyelia Tapak akan diakreditasi bagi tujuan untuk mengiktiraf kemahiran mereka. Bagi tujuan ini kontraktor yang sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan perlu mengemukakan nama pekerja-pekerja mahir mereka ke LPIPМ. Pekerja-pekerja mahir ini akan menjalani ujian-ujian tertentu bagi memastikan tahap kemahiran mereka dalam sesuatu "trade".

Bagi pekerja-pekerja baru pula, untuk diiktiraf sebagai pekerja mahir dalam sektor pembinaan, mereka perlulah menjalani latihan di pusat-pusat latihan yang diiktiraf oleh Lembaga. Sijil kelayakan akan diberi setelah latihan dijalani dengan jaya. Proses yang sama juga akan digunakan bagi Penyelia-penyelia Tapak.

Bagi memastikan keseragaman dalam pelaksanaan program latihan, LPIPМ akan bekerjasama dengan pusat-pusat latihan sedia ada di negara ini untuk menyelaraskan program-program latihan.

(ii) Pendaftaran Kontraktor.

Dalam proses meningkatkan kualiti projek-projek pembinaan, kontraktor-kontraktor yang berkeupayaan akan diwujudkan oleh LPIPМ melalui satu sistem pendaftaran kontraktor di antara lain akan mengambil kira kualiti output yang dihasilkan oleh kontraktor.

(iii) **Mengadakan Program-program Pembangunan dan Peningkatan Kualiti.**

LPIPM akan melaksanakan program-program perabangunan dan peningkatan kualiti dan produktiviti seperti "Construction Quality Assessment System", program promosi reka bentuk berkualiti, pertandingan-pertandingan kemahiran pembinaan dan sebagainya. Program-program ini bertujuan memberi galakan/insentif kepada kontrak-kontraktor yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping program-program yang sama yang saya sebutkan, pihak-pihak lain yang terlibat dalam industri pembinaan seperti perunding, pembekal dan pembuat juga akan diberi penekanan mengenal kualiti kerana pencapaian kualiti dalam sesuatu projek pembinaan memerlukan input yang berkualiti dari semua pihak yang terlibat.

Reka bentuk yang disediakan oleh perunding hendaklah reka bentuk yang selamat dan reliable dari segi menggunakan bahan-bahan yang memberi nilai kepada wang yang dibelanjakan (value for money) dan juga dari segi menggunakan teknologi-teknologi terkini. Lembaga dapat tnenggalakkan pencapaian ini melalui program-program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang akan dilaksanakan. Kajian-kajian R&D akan dapat membantu perunding memperbaiki reka bentuk mereka. Pusat Sokongan Reka Bentuk (Design Support Centre) yang akan ditubuhkan di bawah LPIPM akan dapat mendorong usaha **ini**.

Pembekal dan pembuat juga memainkan peranan menentukan kualiti dalam pembinaan dicapai. Keselamatan struktur banyak bergantung kepada bahan yang digunakan. Bahan berkualiti rendah boleh mengakibatkan kegagalan dan keruntuhan.

Oleh yang demikian, bahan-bahan yang dibekal perlu mencapai standard Malaysia atau standard-standard antarabangsa yang lain. LPIPMM akan bekerjasama dengan badan-badan pengiktirafan tertentu untuk memastikan pembekal-pembekal dan perabuat-pembuat bahan-bahan binaan memenuhi standard ISO 9000.

TRAGEDI HIGHLAHD TOWERS - JAMINAH BAYARAN GANTI RUGI

11. Tuan Tiong Thai King minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan akan mendesak Syarikat Pemaju Highland Towers yang roboh pada 11.12.93 membayar ganti rugi kepada pemilik-pemilik pangsapuri yang telah menderita dari segi harta, fikiran dan perasaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya akan bertindak sebagai penyelar dalam membantu pihak yang terlibat membuat tuntutan

pampasan atau ganti rugi .berikutan berlakunya tragedi Highland Towers.

Pihak Mahkamah boleh membuat keputusan mengenai pembayaran pampasan atau ganti rugi untuk diberikan kepada mana-mana pihak yang berjaya dalam sebarang dakwaan yang dibuat.

Hanakala mereka yang mempunyai perlindungan insurans, mereka boleh menuntut dengan syarikat-syarikat berkenaan untuk mendapatkan pembayaran.

PIAIA THOMAS - SEBAB KEKALAHAN PASUKAN NEGARA

12. Tuan Baji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sebab-sebab kekalahan Pasukan Badminton Negara di perlawanan Akhir Thomas Cup di Jakarta, Indonesia; dan
- (b) adakah keadaan di Stadium Istora Senayan, Jakarta selamat untuk pasukan Thomas Cup kita bermain di sana.

Setiausaha Parlimen Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Secara amnya, pasukan negara kita telah tewas kepada Indonesia berdasarkan kepada faktor seperti berikut:
 - (i) pada tahun ini, pemain-pemain Indonesia sememangnya telah memuncak dari segi prestasinya di mana mereka telah mempamerkan permainnya yang bermutu tinggi;

- (ii) dengan sokongan • padu penyokong-penyokong tempatan telah meningkatkan semangat pemain-pemain Indonesia untuk meraih kesenangan;
- (iii)** pasukan Indonesia kali ini lebih mantap dan mempunyai kelompok pemain yang sama taraf antara satu sama lain dan 'ranking' mereka di dunia pada tahun ini melebihi pemain-pemain dari negara yang lain;
- (iv)** keadaan tegang yang wujud di Stadium Istora Senayan pada pelawanan akhir tersebut sedikit-sebanyak mempengaruhi 'confidence' pemain-pemain negara kita; dan
- (v) berdasarkan kepada prestasi keseluruhan penain-pemain badminton antarabangsa pada tahun ini adalah didapati pemain-pemain Indonesia keseluruhannya menduduki ranking teratas dunia.

- (b) Pada pelawanan akhir tersebut adalah dianggarkan seramai 12,000 orang penonton telah hadir di dalam stadium yang kapasitinya 10,000 dan tidak dapat dinafikan bahawa keadaan di dalam stadium tersebut agak tegang. Walau bagaimanapun, Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF) selaku penganjur utama kejohanan tersebut telah memutuskan untuk mengadakan pelawanan akhir dengan kerjasama Persatuan Bulutangkis Seluru Indonesia dan Pihak Berkuasa Keselamatan Negara Indonesia.

Sesungguhnya, walaupun keadaan agak tegang tetapi masih terkawal. Segala aspek keselamatan pemain-pemain telah diambil kira dan tempat duduk penonton juga telah diubahsuaikan demi keselamatan pemain. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga kejadian-kejadian di luar gelahggang yang mengganggu keselamatan pemain. Namun begitu, Pihak Berkuasa Keselamatan telah cuba mengurangkan risiko tidak akan liar ataupun gangguan tersebut.

Puan Hajah Bahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian "kini membuat perancangan untuk menawan kembali Piala Thomas? Jika ada, minta terangkan perancangan khusus bagi mencungkil dan melatih peraaian pelapis yang berpotensi di semua lapisan masyarakat, terutamanya bagi mereka yang berada di sekolah-sekolah rendah, khususnya sekolah-sekolah rendah di luar bandar.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, ya. Kementerian Belia dan Sukan memang ada perancangan untuk menawan kembali piala yang kita kalah itu. Misalnya, Kementerian telah memperkenalkan Rakan Sukan di mana badminton telah pun dimasukkan dalam program Rakan Sukan ini di mana ia melibatkan pihak swasta, persatuan sukan dan juga pihak masyarakat umum. Di bawah Program Rakan Sukan ini, kita akan mempergiatkan lagi kegiatan sukan di semua peringkat, terutama sekali di peringkat daerah di mana di peringkat ini kita akan cuba mencungkil bakat di sana dan akan diketengahkan, dilatihkan untuk kita bawa kepada pertandingan di peringkat antarabangsa.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, terdapat 12,000 orang penonton di Stadium Istora Senayan dan saya berkesempatan melihat pelawanan akhir itu melalui kaca televisyen. Tetapi apa yang menjadi satu kepelikan kepada saya ialah tidak ada satu pun bendera Malaysia yang berkibar, berbeza dengan seraasa Indonesia melawan dengan Malaysia di Kuala Lumpur. Saya fikir sama banyaknya bendera Malaysia dengan bendera Indonesia. Jadi, apakah tidak ada penyokong-penyokong atau penonton- penonton dari Malaysia yang melihat pelawanan akhir itu?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, memang benar. Saya pun lihat juga demikian. [Ketawa] Tetapi ini tidak bermakna bahawa penonton Malaysia tidak berminat hendak melihat tetapi oleh kerana mungkin mereka tidak dapat tempat, tiket sudah pun habis ditempah dan mungkin juga mereka memikirkan lebih baik menonton di rumah melalui siaran TV secara langsung dan juga mungkin mereka

lebih mengutamakan keselamatan mereka. Jadi, mungkin itulah sebab-sebab mengapa kita tidak dapat melihat bendera Malaysia berkibar begitu banyak di Stadium Istora Senayan baru-baru **ini**.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Indonesia menggunakan 'ilmu hitam' untuk melemahkan pemain-pemain kita? Kemudian ada juga dukun-dukun kita untuk membalas .Indonesia tetapi dukun kita telah kalah? [Ketawa]

Dato'Ismael bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bukti yang jelas yang boleh raenunjukkan berlakunya pelawanan dukun di antara dukun Indonesia dan Malaysia. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat ingin mengetahui, mungkin kita akan siasatlah, kalau ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Michael Bong Tiam Joon.

Tuan Michael Bong Thiam Joon: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 13.

[Tiada jawapan daripada Kementerian Kesihatan]

BANK NELAYAN - KEMUNGKINAN PENGWUJUDAN

14. Tuan Haji Gazali bin Haji Embong minta Menteri Pertanian menyatakan -adakah Kerajaan bercadang menubuh sebuah bank nelayan Malaysia. Jika ada, bilakah masanya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dr. T. Marimuthu]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian belum bercadang untuk menubuhkan sebuah bank nelayan di negara ini memandangkan kemudahan kredit yang sedia ada ditawarkan kepada sektor perikanan adalah mencukupi dan memadai.

KEMALANGAN JALAN RAYA GOLORGAN REMAJA - PERATURAN

15. Tuan Baji Saidin bin Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah benar peratus kemalangan jalan raya bagi mereka yang mempunyai lesen memandu berumur 21 tahun ke bawah terlalu tinggi berbanding dengan yang lain.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, peratus mangsa kemalangan jalan raya yang melibatkan mereka dalam lingkungan umur 16 hingga 21 tahun adalah rendah berbanding dengan mereka dalam lingkungan umur yang lain. Dalam tahun-tahun 1990, **1991** dan 1992, peratus mangsa kemalangan jalan raya bagi kategori umur 16 hingga 21 tahun adalah masing-masing sebanyak 20.872, 21.84% dan 19.3% berbanding dengan kategori umur 21 hingga 45 tahun iaitu masing-masing 54%, 53.21% dan 54.3%.

PENDATANG TANPA IZIM - JUMLAH TAHGRAPAN

16. Tuan Itam Wali bin Hawan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa sehingga kini masih terdapat pendatang tanpa izin bekerja dalam berbagai sektor pekerjaan di Malaysia terutama di rancangan-rancangan pembangunan tanah, di ladang tanaman sayuran, ladang bunga dan pengusaha-pengusaha yang lain;

- (a) bagaimanakah pendatang tanpa izin ini menyelinap masuk ke Malaysia tanpa dapat dikesan oleh Bahagian Keselamatan;
- (b) berapa kerapkah serbuan dibuat ke kawaaan-kawasan yang disasarkan oleh pendatang tanpa izin;
- (c) sehingga kini berapakah jumlah tangkapan telah diperolehi; dan
- (d) berapakah kos untuk menampung mereka yang ditahan sementara dihantar pulang ke negara masing-masing.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kemasukan pendatang tanpa izin tidak dapat dibanteras secara mutlak:-
 - (i) keadaan geo-fizikal negara ini yang mempunyai sempadan pantai (coastlines) yang panjang serta sempadan darat yang berbukit bukau menyebabkan kesulitan dalam menjalankan kawalan dengan berkesan; dan
 - (ii) majikan ataupun rakyat terapatan yang tidak bertanggungjawab memberi perlindungan kepada pendatang tanpa izin ini.

- (b) Operasi untuk mengesan dan menangkap pendatang tanpa izin dan juga mereka yang memberi perlindungan berjalan secara berterusan berdasarkan maklumat dan risikan yang dilakukan oleh pihak berkuasa khususnya Polis dan Imigresen.
- (c) Sejak bulati Julai 1992 hingga Jun 1994 seramai 104,919 pendatang tanpa izin telah ditangkap. Mereka ditahan di depot-depot Imigresen sebelum dihantar pulang ke negara asal mereka.
- (d) Kerajaan membelanjakan kira-kira RM500,000 sebulan bagi membiayai tahanan pendatang tanpa izin di depot-depot Imigresen sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

PEMBANTU RUMAH - PELEPASAH CUKAI PENDAPATAN

17. Puan Kian Sit Har minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa pembantu rumah yang menjaga anak-anak pasangan suami isteri yang bekerja tidak diberi keistimewaan pelepasan cukai pendapatan bagi pembantu rumah.

Dato' Dr. A&fifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seseorang pembantu rumah yang menjaga anak-anak pasangan suami isteri yang bekerja adalah dianggap sebagai pembayar cukai biasa dan diberi pelepasan-pelepasan cukai seperti pelepasan diri sebanyak RM5,000, pelepasan insurans dan KWSP sehingga maksimum RM5,000, pelepasan anak sebanyak RM800 seorang sehingga 5 orang anak jika beliau telah bercerai dengan suami dan tanggungan menjaga anak adalah di bawah

beliau dan lain-lain pelepasan sekiranya beliau layak. Oleh kerana **itu**, pembantu rumah hanya perlu membayar cukai jika sekiranya pendapatannya adalah melebihi RM1,200 sebulan. Bagi pembayar cukai lain, kerajaan berpendapat pelepasan yang diberi adalah memadai. Kerajaan tidak bercadang untuk meraberi pelepasan tambahan kepada pembantu rumah.

CEK TENDANG JUMLAH KES

18. Tuan Hanipah bin Ahmad minta Nenteri Kewangan menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah pelanggan-pelanggan bank yang terlibat dengan angkara cek tendang dan jumlahnya. Adakah ianya begitu serius dan mengapa; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan tindakan yang dicadangkan diambil bagi membanteras jenayah ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Hohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di kawasan Lembah Kelang sahaja, sejumlah 18,947 cek tak laku atas sebab ketidalcukupan dana telah dikesan pada bulan Mei tahun ini oleh Rumah Penjelasan Autoraatik Kuala Lumpur (KLACH) dengan nilai sebanyak RM66.6 juta. Pada bulan April tahun ini, bilangan cek tak laku ialah 17,798 cek dengan nilai RM82.8 juta. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, KLACH mengendalikan lebih kurang 70% daripada jumlah cek dalam negara kita.

Bank Negara mengtakrifkan 3 kejadian cek tak laku oleh seseorang pemegang akaun semasa aebagai satu kealahan jika dilakukan. Jika peristiwa ini berlaku 3 kali dalam setahun, maka ia disifatkan sebagai satu kesalahan. Untuk tempoh lima bulan pertama tahun **ini**, iaitu setakat bulan Mei 1994 sebanyak 32,518 kesalahan cek tak laku telah dilaporkan oleh bank perdagangan kepada Biro Maklumat Cek di Bank Negara Malaysia, Pada akhir bulan Mei 1994, bilangan pelanggan-pelanggan bank yang disenaraihitamkan adalah seramai 29,745 orang, Jumlah ini adalah besar dan serius, menggambarkan sikap tidak bertanggungjawab pemegang akaun semasa.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara telah menubuhkan Biro Maklumat Cek (BMC) dan mengeluarkan satu garis panduan dalam tahun 1988 untuk membendung peningkatan kejadian cek tak laku. Walau bagaimanapun, bilangan kesalahan cek tak laku yang dilaporkan oleh bank-bank perdagangan kepada BMC terus meningkat walaupun garis panduan telah dikeluarkan. Memandangkan hal **ini**, maka pada 1hb Julai yang lalu, pihak Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan satu garis panduan yang baru. Di antara peruntukan baru ialah penutupan kesemua akaun semasa seseorang yang telah melakukan kesalahan cek tak laku dan memanjangkan tempoh cek tak laku dan memanjangkan larangan terhadap orang yang melakukan kesalahan ini

daripada membuka akaun semasa baru. Sebelum ini penalti yang dikenakan cuma penutupan akaun bagi bank berkenaan. Tetapi di bawah peraturan baru yang diperkenalkan, kesemua akaun bank pelanggan berkenaan akan ditutup dan kerajaan percaya dengan terlaksananya garis panduan yang baru ini, maka kes kejadian cek tak laku ini akan dapat dikurangkan dan dibendung.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kejadian cek tak laku ataupun cek tendang telah pun bertambah dengan pesatnya. Beberapa tindakan telah pun diambil oleh pihak bank dan juga Bank Negara. Jadi, pada pandangan saya cek tak laku ini adalah satu perbuatan jenayah. Jadi, adakah Yang Berhormat ataupun pihak kementerian bercadang untuk meminda undang-undang supaya barang siapa yang memberikan cek tak laku dianggap telah pun melakukan satu perbuatan jenayah?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang di beberapa buah negara termasuk di United Kingdom, jika seseorang itu mengeluarkan cek tak laku ini dianggap sebagai jenayah. Dalam negara kita, kerajaan masih lagi belum membuat keputusan sama ada hendak mengambil tindakan yang sama. Apa yang dibuat di ketika ini ialah bank-bank berkenaan boleh mengenakan denda sehingga RM100 kepada pihak yang raengeluarkan cek Cak laku. Kita percaya dengan

adanya peraturan yang lebih ketat ini, perkara dan masalah ini akan dapat dibendung dan jika masalah ini masih berlarutan, pihak kerajaan akan memikirkan cara-cara yang lebih ketat untuk memastikan masalah ini tidak menjadi lebih serius lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekian masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 dan 19 hingga 67 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN
DAN TEMPATAH (PINDAAN) 1994**Bacaan Kali Tang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang. Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [21hb. Julai, 1994]

Timbalan Tang di-Pertua: Saya menjemput Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menyambung pembentangan. Silakan.

3.38 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telahpun menghabiskan bacaan saya yang kedua pada hari Khamis yang lalu dan saya tidak ada apa-apa tambahan baginya.

Timbalan Tang di-Pertua: Baiklah. Jadi, kita sambung semula perbahasan iaitu sambungan pada apa yang kita bahaskan pada hari Khamis lepas. Silakan Dr. Toh Kin Woon.

3.39 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994.

Seperti yang saya difahamkan tujuan pindaan kepada Rang Undang-undang ini adalah supaya membolehkan pekerja berpencen sesuatu Pihak Berkuasa Berkanun ataupun Tempatan secara sukarela menyerahkan

hak pencennya dengan memilih skim Rumpunan Wang Simpanan Pekerja (EFF) dan mungkin supaya menggalakkan mereka berbuat demikian adalah juga dicadangkan bahawa sesuatu Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan yang dikehendaki membuat caruman kebelakangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berkenaan dengan setiap pekerja **berpencen** yang telah memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini adalah bagi tempoh yang bermula pada tarikh pekerja itu menjadi pekerja berpencen dan berakhir pada tarikh dia berhenti menjadi pekerja berpencen.

Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya saya menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Btrkuasa Berkanun dan Tempatan **ini**. Sebabnya ialah ini akan memberikan fleksibiliti yang lebih kepada para pekerja. Maksud saya ialah dengan adanya pindaan ini para pekerja tidak lagi terikat kepada perkhidmatan di Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan seperti mana mereka terikat sekarang. Kalau mereka tidak diberikan opsyen untuk memilih EPF, kebanyakan di antara mereka mungkin kerana mahu mendapatkan pencen, terpaksa bekerja sampai mereka dibenarkan berpencen, iaitu pada masa mereka mencapai' umur 40 tahun ke atas dan itupun adalah atas budi bicara pihak yang berkenaan. Walaupun ini akan menarabahkan fleksibiliti bagi pihak pekerja-pekerja di badan-badan berkanun dan tempatan, namun ada juga kesan-kesannya yang negatif.

Memang dengan memberikan fleksibiliti **ini**, saya khuatir ramai di antara pekerja-pekerja ini mungkin memilih meninggalkan perkhidmatan dengan Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan -Tempatan. Kalau demikian, saya khuatir dan bimbang Pihak-pihak Berkuasa Berkanun akan menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja, khasnya mereka yang lebih baik dan berdayapengeluaran yang lebih tinggi. Ini adalah kerana mereka yang memilih untuk meletakkan jawatan sering kali merupakan mereka yang raendapat pekerjaan yang baik di sektor swasta dan mereka itu adalah di antara mereka yang berdayapengeluaran lebih tinggi dan prestasi lebih baik. Seperti apa yang saya telah mengatakan tadi, mereka tidak lagi terikat kepada perkhidmatan kerana mereka tidak payah menunggu untuk

mendapatkan kelulusan untuk diletakkan di bawah 'pensionable status' ataupun pencen mereka diluluskan. Tidak payah lagi menunggu untuk hal ini, sebab mereka boleh mendapatkan EPF dan bolehlah meletakkan jawatan bila-bila masa **pun**. Jadi, ini akan merugikan badan-badan berkanun tertentu.

Dalam hal **ini**, saya ingin merayu kepada Kerajaan untuk menumpukan perhatian terhadap perkara ini. Salah satu daripada langkah yang boleh diambil ialah untuk meninggikan lagi gaji serta memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan bagi mereka yang terlibat dalam badan-badan berkanun. Salah satu daripada Pihak Berkuasa Berkanun yang mungkin terlibat dalam hal ini ialah universiti-universiti, sebab saya masih ingat, pada masa saya berkhidmat di Universiti Kebangsaan dahulu, universiti adalah digolongkan di bawah Pihak-pihak Berkuasa Berkanun. Universiti-universiti kini sudah menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar. Justeru itu, dengan adanya pindaan ini saya khuatir ramai lagi yang akan meninggalkan perkhidmatan dengan universiti, khasnya mereka yang mempunyai pengalaman yang lebih panjang dan kelayakan yang lebih tinggi. Supaya mengelakkan masalah ini daripada timbul, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya mengkaji semula gaji dan syarat-syarat perkhidmatan dan juga Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Terapan yang lain supaya dapat mengatasi masalah ini yang mungkin timbul setelah diluluskan Rang Undang-undang pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin timbulkan ialah berkenaan dengan caruman kebelakangan kepada EPF. Mengikut cadangan yang dibuat dalam Rang Undang-undang ini, Pihak Berkuasa yang berkenaan dikehendaki membuat caruman setinggi 17 1/2 % daripada gaji seseorang pekerja mulai daripada tarikh dia diletakkan dalam

'pensionable establishraent' hingga tarikh dia terhenti setelah diterima menyumbang ataupun mencarum kepada EPF. Soalan yang saya ingin timbulkan ialah mengapa 17i% dan tidak 20%? Sebab para pekerja yang "merailih untuk mencarum kepada EPF membuat cariiman sebanyak 20%; 9% oleh para pekerja sendiri dan 11% oleh pihak majikan dan memang kadar ini sudah pun ditinggikan sekarang kepada 22%, kalau tidak salah saya, 10% oleh pihak para pekerja dan 12% oleh pihak majikan.

Jadi, kalau demikian, tidakkah mereka yang memilih untuk diletakkan di bawah EPF akan kerugian sebanyak 2 % daripada gaji mereka setahun sebagai caruman kepada EPF. Apabila dibandingkan dengan rakan-rakan mereka, akan mendapatkan satu kumpulan wang yang lebih berkurangan berbanding dengan rakan-rakan mereka. Jadi, saya sekali lagi berharap Kerajaan akan mengkaji semula kadar ini dan adalah lebih baik kadar ini ditinggikan daripada 17 % kepada 20% ataupun kadar yang berkuatkuasa pada masa itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah pindaan-pindaan ini ada bertentangan dengan apa-apa Rang Undang-undang yang lain? Umpamanya adakah pindaan-pindaan ini adalah bertentangan dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan, sebab setahu saya apabila seseorang diletakkan di bawah 'pensionable establishment', mendapatkan pencen sudah merupakan hak seseorang pekerja.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak timbulkan beberapa perkara, tetapi pada asasnya saya memang bersetuju dengan pindaan-pindaan. Saya sekali lagi ingin menyuarakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di—Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

3.47 ptg.

Datin Hajah Wan Intan biati Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan dan ingin mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada pihak kerajaan kerana mengambil berat hal pesara orang-orang Kerajaan, begitu juga dengan orang-orang awam yang melebihi umur 50 tahun.

Tuan Yang di-Pert.ua, saya berharap pesara-pesara kerajaan yang berpangkat dan bergaji rendah ini diberikanlah kepada mereka keistimewaan yang canggih, jangan sampai orang kata 'indah berita dari rupa', iaitu tambang percunia bertlah sepenuhnya, tidak seperti sekarang tiket keretapi 402, tiket penerbangan 502, itupun kena tunggu, dengan izin, kena 'queue'. Kalau tiket-tiket itu penuh, orang yang berpencen ini terpaksa tidak dapat pergi. Andai kata pemergian mereka kerana perkara yang penting, iaitu seorang anak atau seorang saudara sakit, sakit tenac dan lain-lain lagi, tak jadilah dia pergi ke tempat tersebut.

Memandangkan gajinya tersangat rendah dan pendapatannya terlalu sedikit, kalau dibandingkan, kita bayangkan balik perkhidmatan mereka semasa bekerja dahulu yang diberikan kepada kerajaan selama 20 ke 30 tahun. Contohnya pekerja Atendan Hospital, orang-orang ini yang mana berpangkat rendah, dari mulanya masuk sampai balik, kerjanya membersihkan hospital, membersihkan segala kekotoran di dalam hospital, segala-gala pakaiaa, baju, tidak ada nampak benda yang wangi, selama-lamanya itulah kerjanya. Walaupun kita bayar gaji dan sebagainya,

Jadi, apalah salahnya mereka ini diberi peluang tiket percuma atau separuh harga memandangkan mereka ini seumur hidup masib ada yang belum lagi pernah menaiki kapal terbang, dan kemungkinan keseronokan berkhidmat ini terasa pada mereka yang sudah berpencen.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan **ber-** banyak terima kasih. Itulah sahaja ucapan saya dan menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya semua pihak berpuas hati dengan Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994 **ini**. Kalau sudah puas hati tidak ada orang yang hendak bercakap, saya akan meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab. Tidak ada ya? Silakan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

3.52ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Ochman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon dan juga Yang Berbormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, yang telah pun mengambil babagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994 yang telah pun dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan sedikit sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan itu kerana beberapa pandangan yang munasabah dan baik, yang diberikan oleh kedua-dua orang Yang Berhormat itu telah pun dicatatkan.

Cuma saya hendak menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr Toh Kin Woon mengenai cadangan beliau untuk menaikkan gaji kakitangan Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Tempatan, dan pandangan Yang Berhormat ini ialah dari segi kakitangan akademi universiti.

Saya hendak menyebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Celah pun mengeluarkan kenyataan baru-baru ini bahawa kenaikan gaji itu haruslah dikira berkaitan dengan produktiviti ataupun pengeluaran yang dihasilkan - oleh seseorang kakitangan kerajaan.

Sukalah saya menegaskan bahawa Rang Undang-undang ini hanyalah meliputi 6 Badan Berkamm yang telah pun diputuskan untuk mengambil bahagian di dalam skim **ini**, iaitu Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan juga Bank Negara Malaysia. Inilah 6 institusi kerajaan yang dimasukkan di dalam skim pemindahan pencen kepada caruman Kurapulan Wang Simpanan Pekerja.

Saya ingin menjelaskan bahawa kedudukan ini tidaklah meliputi universiti-universiti dalam negara kita. Walau bagaimanapun Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempataan (Pindaan) 1994, yang

dibentangkan ini akan sentiasa mengkaji pemohonan, rayuan daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan urusan gaji.

Sukalah saya menjelaskan sekali lagi, bahawa ukuran kenaikan gaji ini haruslah juga bergantung kepada keupayaan Kerajaan untuk membayar gaji yang lebih tinggi kerana pendapatan negara. yang terhad pada bila-bila masa pun.

Yang keduanya, saya hendak menjelaskan kenyataan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Dr Toh Rin Woon mengenai caruman 17i% ini. Caruman 17i% ini adalah caruraan daripada pihak majikan kepada KWSP, yang kemudiannya akan dibayar seraula oleh kerajaan, hanya oleh majikan tidak termasuk oleh pekerja. Kalau kita mengenakan bayaran ini kepada pekerja sudah pasti ianya akan membebankan pekerja-pekejja itu dan dia terpaksa membayar balik kebelakang, keraungkinan beberapa tahun sebelum dia diletakkan ke jawatan berpencen.

Jadi, untuk tidak membebankan kakitangan kerajaan dalam institusi-institusi yang saya sebutkan tadi, maka kerajaan telah membuat keputusan bahawa Kerajaan sahaja atau Pihak Berkuasa ini sahaja akan mencarumkan 17£Z, maknanya majikan sahaja mencarum kepada KWSP. Selepas itu Badan-badan ini bersaraa dengan pekerja, pegawainya akan mencarumkan mengikut kadar seperti yang ada sekarang. Jadi, saya hendak menjelaskan bahawa kedudukan ini tidaklah berubah kerana 17i% itu kalau dibandingkan tentulah berapa banyak atau berapa peratus (17 2) lebih tinggi, dibayar oleh pihak majikan terhadap pekerja-pekerja yang menerima opsyen untuk

memindahkan kedudukan mereka daripada taraf berpencen kepada KWSP.

Yang keduanya, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin telah menyatakan pandangan atau rintihan beliau terhadap kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah, yang berpencen pada umur 55 tahun. Jadi, ini adalah pandangan prihatin seorang Ahli Yang Berhormat kepada kerajaan.

Pertimbangan-pertimbangan yang diminta itu seperti kemudahan tambang percuma dan sebagainya ini, maka saya hendak menjelaskan bahawa di dalam perkhidmatan kerajaan memanglah kerajaan mengenang jasa. Walaupun serendah mana dalam hirarki pentadbiran kerajaan, seseorang itu berbakti kepada negara, berbakti-kepada kerajaan sudah pastilah beberapa pertimbangan harus diambil oleh kerajaan, termasuklah kerajaan sekarang mengadakan beberapa insentif dalam perkhidmatan yang diberikan, kemudian hadiah-hadiah kecemerlangan yang ditunjukkan oleh kakitangan kerajaan dengan disampaikan oleh Ketua-ketua Jabatan seperti yang kita lihat sekarang dijalankan. Ini adalah penghargaan kerajaan terhadap pengorbanan atau kerja kuat yang telah ditunjukkan oleh kakitangan kerajaan semua lapisan. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya ada satu lagi tadi, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan bertanya tentang 40% tambang, tetapi 'subload' itu

Tuan Othman bin Abdul: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu yang penting.

Tuan Othman bin Abdul: Yang ini kita mengekalkan kedudukan ini, bukan sahaja kita berikan kepada pegawai-pegawai ataupun orang yang berpencen, malahan seluruh rakyat Malaysia yang umurnya melebihi 55 tahun, mereka juga boleh menikmati kemudahan yang sama, sama ada kapal terbang atau kereta api, tambang yang dikenakan hanya 40% kepada semua pesara. Ini menunjukkan betapa prihatinnya kerajaan kita tentang menghargai....

Datin Bajah Wao Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan hendak minta penjelasan sedikit.

Datin Bajah Han Intan binti Baji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya kalau naik kapal terbang jangan suruh 'queue'....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datin Hajah Wan Intan binti Baji Wan Ahmad Tajuddin: Kalau orang tua itu hendak berjumpa anak, anak pun sudah meninggal, dia tidak dapat pergi.

Timbalan Yang di-Pertua: Maksudnya, apabila hanya ada kekosongan.

Datin Hajah Wan Intan binti Baji Wan Ahmad Tajuddin: Maksud saya, bila dia masuk itu 'is a normal' macam dia mengambil tiket berbayar. Jangan ada 'special', oleh kerana dia tidak bayar, dia

kena kemudian. Jadi, kalau orang sakit, bukan boleh tahan nyawanya lagi. Itulah maksudnya. Kalau....

Timbalan Yang di-Pertua: Maksudnya jangan sampai kapal terbang **kosong** baru boleh masuk?

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Ya, begitu maksud saya.

Timbalan Tang di-Pertua: Oh! dia macam passenger lain juga?

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datin Bajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Maksud saya kalau tidak boleh selalu takut kita mewah, dihadkan berapa kali seumur hidupnya, berapa tahun lagi dia hendak hidup **pun**. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya juga pernah menolong beberapa pesara dan juga orang-orang tua yang hendak naik kapal terbang ini. Kadang-kadang memanglah seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat **itu**, kalau sekiranya kapal terbang itu penuh dan kita tidak dapat hendak 'unsit' atau hendak .mengeluarkan .orang lain, jadi terpaksa raenunggu. Walau seseorang itu merabayar penuh, misalnya saya juga kadang-kadang tidak dapat 'seat' kerana hendak naik kapal terbang yang telah penuh, tetapi yang dijelaskan kemungkinan yang biasanya

diminta seminggu sebelum penerbangan itu, kalau kapal terbanglah, biasanya seminggu sebelum penerbangan itu diminta supaya kita mem* buat tempahan, seperti mana terapan biasa. Jadi, ini saya rasa kerajaan akan mengambil perhatian.

Bagi kakitangan kerajaan yang berpangkat rendah ini, yang berpencen, kerajaan mengambil ingatan tentang pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat **ini**, untuk kita panjangkan kepada badan-badan berkaitan seperti MAS dan juga KTM, Keretapi Tanah Melayu yang sekarang telah bertukar nama untuk memberikan kemudahan yang diperlukan oleh orang-orang ataupun kakitangan kita yang berpangkat rendah yang berpencen **ini**, seperti mana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat untuk menunjukkan bahawa kerajaan yang raemerintah ini begitu prihatin, sayang pada generasi yang telah pun berumur dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang dapat saya jelaskan pada petang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 1994**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.01 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempahan [Tuan Baji Daud , bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dan sedang mengkaji beberapa Akta yang membabitkan industri pembangunan tanah, pembangunan dan pembinaan dan kajian-kajian tersebut telah menjadi lebih penting apabila berlakunya tragedi keruntuhan pangsapuri Highland Towers pada 11hb September, 1993. Hasil daripada itu sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dibentuk untuk mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan berulangnya tragedi tersebut. Salah satu daripada perakuan Jawatankuasa itu ialah membuat pindaan kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu Akta 133 bagi menekankan aspek kestabilan dan keselamatan bangunan sama ada semasa dalam pembinaan ataupun yang telah diduduki .

Tuan Yang di-Pertua, laporan Jawatankuasa Penyiasat tragedi tersebut turut juga mencadangkan agar kerajaan mengkaji seraula dan memperkukuhkan aspek perundangan yang melibatkan industri pembinaan agar pembangtinan yang dijalankan, khususnya di kawasan bukit dikawal

dengan lebih ketat dan rapi. Pembinaan sedemikian merupakan trend pembangunan masa kini dan Kerajaan percaya ianya akan terus berkembang seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara yang mem-berangsangkan.

Pada masa ini peruncukan undang-undang yang sedia ada masih tidak mencukupi dalant menangani raasalah-masalah berkaitan dengan kesCabilan dan keselamatan bangunan khususnya yang dibina di kawasan berbukit. Oleh itu pindaan kepada Akta 133 perlu dibuat dengan penekanan terhadap beberapa perkara berikut:

- (i) untuk membolehkan pemeriksaan dan kajian seraula dilakukan ke atas sesuatu projek pembinaan;
- (ii) untuk membolehkan kajian berjadual dibuat ke atas bangunan tinggi bagi menjamin kestabilan dan keselaraatannya;
- (iii) untuk menaikkan denda-denda terhadap seksyen-seksyen yang tertentu bagi menghindar tindakan melanggar undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melibatkan seksyen-seksyen 3, 70, 71, 85, 100, 121 dan 133 yang sedia ada serta juga menambah dan mengadakan seksyen-seksyen baru iaitu seksyen-seksyen 70B, 70C, 70D dan 85A.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menghuraikan beberapa cadangan kepada pindaan-pindaan tersebut.

Seksyen 3 dipinda untuk memberi tafsiran terhadap beberapa perkataan yang digunakan dalam Akta bagi memastikan supaya semua pelan, laporan dan dokumen disedia dan diperakukan oleh orang-orang yang berkelayakan. Maka seksyen 70 telah dipinda dengan meraasukkan seksyen baru, seksyen (9A), seksyen 13(aa) dan seksyen (19).

Pindaan-pindaan ini juga memastikan bahawa juru perunding projek mestilah telah mengambil langkah sewajarnya dalam merancang dan mengawasi kerja-kerja pembinaan apabila ianya dimulakan. Dengan perakuan ini tanggungjawab penyeliaan kerja-kerja pembinaan akan lebih jelas, tersusun dan terjamin.

Seksyen 70B merupakan satu seksyen yang baru bertujuan untuk membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan mengeluarkan perintah kepada pemaju bagi mengkaji seraula aspek-aspek keselamatan dan kestabilan sesuatu bangunan semasa di dalam pembinaan. Pada masa ini Pihak Berkuasa Tempatan tidak mempunyai laluan atau kuasa untuk berbuat demikian seolah-olah dilihat Pihak Berkuasa Tempatan hanya boleh melihat dan tidak boleh mengambil tindakan yang menjolokkan pandangan orang ramai terhadap Pihak Berkuasa Tempatan begitu berbeza sekali.

Diharapkan dengan seksyen 70B ini maka Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengambil tindakan untuk mengeluarkan notis bagi memberhentikan kerja-kerja pembinaan sesuatu bangunan dengan lebih mudah dan cepat. Dengan adanya peruntukan ini masalah kestabilan dan keselamatan bangunan yang sedang dalam pembinaan dapat diatasi di peringkat awal lagi. Di samping itu, Pihak Berkuasa Tempatan boleh juga mengeluarkan arahan kepada pemaju untuk membaiki kecacatan, perubahan dan kekurangan yang dikenal pasti dalam Laporan Kajian Semula itu.

Di bawah seksyen 70C, Pihak Berkuasa Tempatan pula boleh membatalkan kelulusan yang telah diberi kepada sesuatu projek jika didapati pemaju gagal menjalankan arahan-arahan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah seksyen 70B tersebut.

Sebagai langkah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Terapatan mengawasi kerja-kerja pembinaan secara lebih berkesan, seksyen 70D bertujuan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan memeriksa pembinaan bangunan pada apa-apa peringkat dan mengeluarkan notis secara bertulis kepada pihak pemaju bagi memperbetulkan apa-apa perubahan daripada pelan-pelan yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, penyelenggaraan sesuatu bangunan dan kawasan persekitaran memainkan peranan yang penting ke atas keselamatan dan kestabilan. Ini terbukti dengan tragedi Highland Towers di mana keadaan kawasan persekitaran yang tidak diselenggara dengan baik turut ditegur oleh Jawatankuasa Penyiasat. Oleh itu satu seksyen baru iaitu seksyen 85A telah dimasukkan untuk raemberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tanpatan menghendakkan tuan punya bangunan yang mana ianya melebihi 5 tingkat untuk menjalankan pemeriksaan berjadual ke atas bangunan-bangunan tersebut setiap 10 tahun sekali dari tarikh Sijil Kelayakan Menduduki bangunan dikeluarkan. Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, Pihak Berkuasa Tempatan boleh melantik seorang Jurutera bagi menjalankan pemeriksaan tersebut dan mendapatkan kesemua perbelanjaan yang dibuat daripada tuan punya bangunan berkenaan.

Dengan adanya peruntukan ini, adalah diharapkan semua bangunan yang melebihi 5 tingkat akan lebih terjamin keselamatan dan kestabilannya. Di samping itu, Pihak Berkuasa Negeri juga akan menguatkuasakan seksyen ini ke atas bangunan-bangunan di mana Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk menghindar pihak yang terlibat dalam industri pembinaan dari lebih berani melanggar peruntukan yang terkandung dalam Akta 133 ini, maka adalah dicadangkan agar jumlah denda dalam beberapa peruntukan dalam akta yang sedia ada dinaikkan seperti berikut:

- (i) denda pada seksyen 71 yang berkaitan dengan kegagalan sesuatu bangunan dinaikkan dari RM50,000 ke RM500,000 - 10 kali ganda;
- (ii) denda ke atas kegagalan membuat penyenggaraan dan pemeriksaan kawasan bangunan di bawah seksyen 85 dinaikkan dari RM1,000 ke RM2,000;
- (iii) denda pada seksyen 100 dinaikkan dari RM200 kepada RM1,000 dan penjara daripada tiga bulan kepada enam bulan bagi kesalaban menghalang Pihak Berkuasa Tempatan ataupun pegawai-pegawai yang menjalankan tugas.

Timbalan Yang di-Pertua: Enam bulan sampai sepuluh bulan?

Tuan Baji Daud bin Dato' Haji Taha: Tiga kepada enam bulan.

- (iv) Seksyen 121, denda berkaitan dengan kesalaban tidak mematuhi notis yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan juga akan dinaikkan daripada RM500 kepada RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan Akta 133 ini memerlukan pegawai dan kakitangan profesional yang terlatih di Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju supaya jawatan profesional di Pihak Berkuasa Tempatan ditambah bagi mendapatkan kawalan pembangunan yang lebih mantap. Di samping itu, kerajaan juga bersetuju supaya satu unit kawalan bangunan ditubuhkan di peringkat Persekutuan bagi menyediakan dasar prosedur dan garis panduan berhubung dengan kestabilan dan keselamatan bangunan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini memberikan maksud bahawa kerajaan sememangnya sangat serius dalam melihat industri pembinaan negara berkembang tanpa menjejaskan aspek keselamatan dan rautu bangunan-bangunan yang didirikan. Para-para pemaju, pemilik dan semua pihak yang terlibat dengan industri ini agar lebih teliti dan bertanggungjawab atas setiap tindakan yang diambil dalam pendirian dan penyenggaraan bangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kajian dan prihatinan telah dibuat oleh Kementerian. Tetapi kemungkinan banyak lagi pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang lebih mendalam, lebih meluas dari pengalaman-pengalaman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menyarankan di sini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil keserapatan untuk membahaskan Akta ini dengan secara mendalam dan memberikan pandangan-pandangan yang mungkin dapat diberikan supaya dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memohon kuasa yang lebih diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya mereka boleh mengawas dan mengawal pembangunan. Manakala tindakan yang lebih cepat dan berkesan boleh diambil dalam menangani masalah-masalah berkaitan dengan bangunan tinggi. Kerajaan percaya dengan adanya pindaan ini,

ianya merupakan satu yang telah dinanti-nantikan oleh semua pihak dan bakal pemilik bangunan, dan secara keseluruhannya akan dapat menaikkan imej industri pembinaan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan **Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]**: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Begitulah pembentangan yang agak dramatik daripada Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan K. Munisamy.

4.15 ptg.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga kerana diberi peluang untuk membahaskan Akta Jalan, Parit dan Bangunan.(Pindaan) 1994. Meraandakan betapa pentingnya pindaan Akta berkenaan terutamanya kepada rakyat Malaysia, pindaan Akta ini telah raenggariskan secara jelas dan nyata tentang tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan. Peraturan yang mesti diikuti oleh kontraktor pembinaan bangunan dan denda yang dikenakan ke atas mereka yang raelanggar undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payah saya berceloteh panjang lebar, masih terbayang di setiap mata kita tentang tragedi Highland Towers, di mana mengorbankan 42 nyawa. Kita tidak mahu tragedi seumpama ini berulang lagi kerana ini bukan sahaja mengorbankan jiwa, bahkan memberi imej yang buruk bagi negara kita. Ada yang mengaitkan rasuah dengan tragedi tersebut kerana pemeriksaan rapi tidak dijalankan. Memandangkan demikian, kuasa yang diberikan kepada jurutera di bawah

seksyen 85A(6)(a) harus digunakan dengan sewajarnya untuk menguji bahan-bahan yang akan digunakan dalam pembinaan dan seterusnya mengawasi setiap peringkat pembinaan bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan Seksyen 70B iaitu perintah untuk mengkaji semula keselamatan dan kestabilan pendirian bangunan adalah amat penting. Memandangkan sesuatu kawasan yang kelihatan stabil mungkin boleh menjadi lemah dan runtuh setelah kerja-kerja pembinaan mula dilakukan. Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Tempatan mestilah berwaspada selalu dan sentiasa melawat semua bangunan yang sedang dalam pembinaan. Kalau didapati sesuatu perubahan struktur atau keadaan persekitaran yang tidak kukuh, maka perintah mestilah dikeluarkan sama ada untuk mengkaji semula struktur bangunan atau persekitaraan ini. Sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 70C Pihak Berkuasa mesti membatalkan kelulusan pelan atau kebenaran untuk pembinaan bangunan berkenaan bergantung kepada laporan terperinci daripada jurutera yang menyiasat.

Tuan Yang di-Pertua, kita berada dalam satu dekad di mana kawasan hijau makin berkurangan oleh kerana pembangunan pesat. Saya berharap generasi akan datang dapat terus menghidu udara nyaman sepertimana kita semua rasai. Tetapi kalau kelulusan untuk membina bangunan diberi sewenang-wenangnya, maka tidak akan ada lagi kawasan hijau-hijauan. Pada lazimnya semua tumbuhan hijau akan dibersihkan terlebih dahulu sebelum sesuatu bangunan boleh didirikan dan ini menjadikan kawasan itu panas dan berdebu.

Oleh yang demikian, saya memohon Akta ini bila dikuatkuasakan akan mengambil berat tentang tumbuh-tumbuhan di kawasan bangunan yang bakal didirikan itu dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kerajaan yang memandang serius terhadap keselamatan pembinaan bangunan dengan mengadakan peruntukan baru dalam Akta ini. Denda yang dikenakan kepada yang disabitkan dengan kesalahan iaitu sebanyak RM100,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya adalah diharapkan dapat memastikan ramai pemaju dan pemilik bangunan akan mematuhi segala garis panduan yang telah disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, akhir kata saya menyokong penuh Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

4.22 ptg.

Puan Kian Sit Har: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menarik perhatian berhubung dengan pindaan kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Kita sedia maklum, tujuan utama langkah tersebut adalah bagi memastikan kejadian bangunan runtuh seperti Highland Towers tidak berulang lagi. Barisan Nasional sebagai Kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab sudah tentu tidak ingin melihat tragedi malang menimpa rakyatnya. Bagi memastikan kejadian tidak berulang, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, dalam ucapannya dalam bulan April, telah menyeru dan menggalakkan agar pihak-pihak yang

bersangkut-paut dengan industri pembinaan membuat kaji selidik bagi mengenal pasti punca kelemahan dan meningkatkan taraf pembinaan yang lebih meyakinkan.

Keyakinan rakyat terhadap industri pembinaan yang semata-mata berpandukan undang-undang dan peraturan-peraturan tidak dapat membawa kesan yang positif serta tidak dapat mengatasi masalah, sebaliknya sikap prihatin dan bertanggungjawab harus dihayati oleh semua pihak industri pembinaan. Bagi mencapai kecemerlangan industri pembinaan dalam negara ini, adalah disyorkan supaya Biro Industri Pembinaan ditubuhkan di setiap negeri yang disifatkan tepat pada masa dan ketikanya. Dengan tertubuhnya Biro ini ia akan berfungsi sebagai:

- (i) memajukan lagi industri pembinaan;
- (ii) membantu industri pembinaan menuju ke peralatan canggih tanpa bergantung sangat kepada tenaga manusia;
- (iii) bertindak memberi maklum-balas kepada cadangan dan perbincangan dengan Kerajaan berhubung dengan industri pembinaan;
- (iv) menyelaraskan teknik-teknik pembinaan dan peralatan bagi meningkatkan lagi tahap pencapaian;
- (v) memberikan khidmat perunding dan nasihat kepada rakan-rakan sebidang;
- (vi) memberikan latihan dan tunjuk-ajar serta mengendalikan kursus;

- (vii) meningkatkan lagi tahap kemahiran dan profesionalism dalam industri pembinaan;
- (viii) memberikan galakan penyelidikan terhadap perkembangan industri pembinaan.

Setiap negeri yang mempunyai industri pembinaan yang dapat dijalankan dan memainkan peranan sudah tentu rakyat akan bertambah yakin terhadap bidang ini.

Seperkara lagi, jika kita ingin melihat industri pembinaan terus berkembang sihat, pemaju-pemaju haruslah mematuhi segala syarat dan peraturan-peraturan. Jika tidak, pemaju yang melanggar syarat dan peraturan harus dibawa ke muka pengadilan supaya mereka sedar akan kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan ini juga akan menjadi teladan kepada pemaju-pemaju yang lain.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Rashid.

4.26 ptg.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian bersama dengan rakan saya iaitu memberi sedikit pandangan terhadap pindaan Rang Undang-undang iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Saya rasa sudah sampai masanya perkara ini dilaksanakan kerana kita lihat, bukan sahaja ia melibatkan bangunan-bangunan yang mencakar langit di bukit dan di lereng-lereng bukit, tetapi juga masalah-masalah di mana bangunan didirikan tanpa mendapatkan

kelulusan plan dan sebagainya. Kerajaan Tempatan biasanya telah diberikan mandat untuk melihat akan kegiatan pembangunan rumah-rumah ini dilaksanakan mengikut Akta **ini**, tetapi biasanya kita berharap Kerajaan Tempatan ini juga memberitahu kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan negeri supaya dengan adanya pindaan ini tidak pula mereka menganggapkan kelulusan plan mengambil masa yang lama dan sebagainya.

Dalam negeri-negeri yang pesat membangun terdapat kadang-kadang sampai 3 tahun untuk meluluskan plan. Jadi, kita berharap dengan adanya Akta ini juga, tidak akan menjadi alasan bahawa pembangunan itu terpaksa mengambil masa yang lama untuk meluluskan plan-plan. Ini bermaknalah sesuai dengan pindaan ini, Kerajaan Tempatan juga harus memikirkan untuk menambah pegawai-pegawai dalam perancangan ini termasuklah "Building Inspector" ataupun arkitek-arkitek mengikut keadaan negeri itu sendiri. Jika negeri-negeri mengemukakan plan yang begitu banyak - dalam masa setahun sampai 2,000-3,000 plan, maka dia haruslah sesuai dengan keadaan **itu**, di mana kita harus menambah juga pegawai-pegawai untuk menentukan kita tidak juga menyekat pembangunan kerana disebabkan masalah-masalah yang dibangkitkan.

Saya sedar dan saya dapati bahawa bangunan yang runtuh ini telah menjadi pengajaran kepada kita, terutama sekali di Pulau Pinang, kita tidak ada tanah banyak. Bukit Bendera pun sebahagiannya telah pun dibangunkan. Jadi, dengan adanya Akta ini mungkinlah pemaju-pemaju akan berfikir dua kali untuk membuat bangunan ataupun

memulakan kerja tanpa mendapat kelulusan yang diperolehi daripada Kerajaan Tempatan.

Saya dapati banyak badan di Kerajaan-kerajaan Tempatan ini, oleh sebab yang saya sebutkan tadi, iaitu banyak sangat kerenah untuk meluluskan plan, apa yang berlaku ialah pemaju-pemaju rela dikenakan denda 10 kali asalkan rumah atau bangunan mereka tidak robohkan. Makna kata, apabila bangunan itu dibina dan apabila notis dikenakan, mereka mulalah memasukkan plan, minta supaya diluluskan dalam masa mungkin 6 bulan ataupun setahun. Kerana apabila mereka memasukkan plan untuk memulakan kerja mengikut undang-undang, kadangkala ia mengambil masa sehingga 3 tahun seperti yang saya sebutkan tadi.

Jadi, oleh sebab beberapa pemaju dan beberapa orang telah membuat operasi ini, maka berlakulah banyak bangunan-bangunan haram sehingga kita tidak dapat mengawal. Ini termasuklah juga kawasan industri di Seberang Prai dan di Pulau Pinang yang telah pun membangun dengan pesatnya. Tentulah beribu-ribu plan hendak masuk dan yang hendak diluluskan dengan secepat mungkin mempunyai masalah. Tetapi saya rasa dengan adanya beberapa pindaan ini, termasuklah denda yang begitu tinggi maka saya rasa ia akan menyelesaikan beberapa masalah.

Cuma ada beberapa pertanyaan yang saya hendak utarakan kepada Yang Berhormat iaitu dalam soal peningkatan proaes plan ini dalam Kerajaan Tempatan yang pesat membangun. Ini menjadi masalah.

Saya berharap supaya kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur ataupun Ipoh haruslah kita tambah tenaga pekerjanya untuk menentukan supaya Akta yang kita pinda ini benar-benar bermakna kerana Akta 1974 ini pun sudah ada dahulu tetapi tidak diikuti sepenuhnya.

Jadi, saya tidak hendak menekankan banyak dalam soal pembangunan atas bukit. Bagi saya, saya tidak setuju kerana selalunya orang suka bangunkan atas bukit ini tidak mengambil kira dalam soal ekologi, masalah tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok dan sebagainya. Maka, oleh sebab terlalu ghairah sangat untuk mendapat keuntungan yang lebih pada masa-masa dahulu, maka inilah akibatnya. Walau bagaimanapun, kita rasa dalam keadaan sekarang, kita harus memastikan bangunan-bangunan yang sedia ada juga harus mendapatkan satu 'certificate' ataupun usaha Kerajaan Tempatan untuk menentukan bangunan-bangunan yang sedia ada ini juga diberi perhatian dan memberikan pengesahan sama ada bangunan-bangunan ini layak untuk berada dalam keadaan yang ada sekarang ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang, cuma ada dua, tiga perkara yang telah disebutkan tadi. Saya menyokong Akta ini dengan harapan bahawa sesuai dengan pindaan ini terutama sekali Kerajaan-kerajaan Tempatan yang pesat membangun, maka kita harus jugalah berharap bahawa tambahan-tambahan pegawai di kawasan-kawasan ini dilaksanakan dengan secepat mungkin untuk memproseskan pelan-pelan bangunan yang agak banyak yang dimasukkan kerana pembangunan yang pesat.

Sekian, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk Haji Mohamed Nazri.

4.32 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini berdiri untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini yang mana saya percaya iaitu banyak daripada apa yang dibentangkan ialah hasil daripada tindakan yang diambil selepas berlakunya peristiwa kondominium yang runtuh pada bulan Disember yang lepas.

Jadi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mengambil tindakan yang cepat, kurang daripada setahun, kita sudah menyediakan satu Akta untuk memastikan supaya perkara ini tidak berulang lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Rang Undang-undang ini dan dalam bahasa Inggeris, the 'Bill', muka surat 4 di mana dinyatakan, dengan izin, "Order to review safety and stability in the course of erection of building", di mana syarat-syarat yang tertentu telah dipeturunkan berkenaan dengan struktur ataupun di sini disebut juga dengan perubahan topografi 'or the features of the land' apabila bangunan itu hendak dibina, maka perhatian adalah diberikan kepada pembangunan bangunan yang sedang hendak didirikan.

Memang kita bersetuju iaitu supaya kita mengawal berkenaan dengan struktur bangunan yang hendak didirikan tetapi kalau kita memahami apa yang telah berlaku ketika kondominium itu runtuh, yang menyebabkan struktur bergoyang ialah bukan bangunan yang hendak dibangun tetapi bangunan yang berjiran, yang strukturnya agak rapuh setelah satu bangunan baru hendak dibinakan di sebelah atas.

Jadi, apa yang saya hendak sebutkan di sini iaitu kita bukan sahaja harus mengambil kira dalam soal bangunan yang sedang didirikan, malah peruntukan ini harus dikenakan juga sekiranya dalam pembinaan itu menyebabkan struktur bangunan yang berjiran itu juga terjejas ataupun rapuh, maka bangunan yang sedang didirikan itu hendaklah dihentikan serta-merta. Yang saya lihat dalam peruntukan ini, ia hanya 'concern' kepada bangunan yang sedang hendak didirikan iaitu kalau dilihat bahawa struktur pembinaan bangunan yang hendak didirikan itu tidak ada 'defect' atau 'deformation', dengan izin maka seperti mana yang disebut dalam Rang Undang-undang ini, dengan izin, saya baca:

"Where the Local Authority reasonably suspect there is a defect, deformation or deterioration in the structure of a building under erection".

Maknanya dia hanya ambil kira bangunan yang hendak didirikan. Bagaimana pula kalau "the Local Authority reasonably suspect there is a defect, deformation or deterioration in the structure of a nearby building?" Sebab yang runtuh baru-baru ini bukan bangunan yang baru hendak didirikan. Yang runtuh baru-baru ini ialah bangunan yang telah didirikan lebih dari 12 tahun.

Jadi, saya rasa kalau kita dalam peruntukan **ini**, tidak mengambil kira bangunan yang berjiran, saya rasa kita tidak dapat mengatasi masalah yang telah dihadapi oleh kita pada bulan Disember yang lepas. Sebab **itu**, walaupun saya menyokong Rang Undang-undang ini bagi bangunan yang sedang didirikan tetapi kita harus mengambil kira 'detect' yang mungkin berlaku disabitkan oleh pembinaan bangunan yang sedang didirikan pada ketika ini.

Jadi, dalam perkara ini saya ingin kementerian mengambil kira apa yang saya sebut di **sini** kerana saya rasa bahawa kalau dia mengambil kira apa yang saya sebut di **sini**, maka tujuan kita untuk memastikan supaya kondominium runtuh di masa-masa akan datang tidak berlaku lagi dan akan dapat diatasi. Sebab **itu**, saya ingin mencadangkan bahawa soal 'defect', 'deformation' ataupun 'deterioration' ini bukan sahaja terhadap struktur bangunan yang sedang dibina tetapi struktur bangunan yang berjiran.

Begitu juga kalau 'Local Authority' mendapati bahawa disabitkan oleh pembinaan bangunan yang sedang dibina ini menyebabkan struktur bangunan yang berjiran itu 'deteriorate' ataupun ada 'defect' dan 'deformation', maka saya mahu supaya 'Local Authority' mempunyai kuasa untuk menghentikan pembinaan bangunan itu. Kalau tidak, dia hanya akan mengambil kira tentang 'defect' yang ada kepada bangunan yang sedang didirikan sahaja, walhal kondominium yang runtuh di masa yang lepas itu 'detect' nya bukan berlaku kepada pembinaan bangunan yang sedang didirikan tetapi berlaku kepada bangunan yang sedia ada yang berjiran dengan tempat pembinaan bangunan yang baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara 8, muka surat 9 dalam bahasa Inggeris berkenaan dengan siasatan berkala atau lawatan yang berkala yang hendak dikenakan kepada bangunan yang lima tingkat ke atas tiap-tiap 10 tahun sekali, maka ada kuasa bagi Pihak Berkuasa Tempatan untuk memasuki dan memeriksa bangunan ini. Saya tengok di muka surat 9, di bawah Fasal 85A(2) menyebutkan dengan begitu 'detail' menyatakan bahawa, dengan izin:

"Any storey of a building which is or at a level lower than the ground floor shall be deemed to be a storey".

Saya menyokong ini kerana 'basement is also one storey'. Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, di negara kita ini mempunyai bangunan-bangunan yang disebut sebagai 'mezzanine floor' iaitu satu tingkat yang kecil di antara tingkat satu dan dua. Oleh kerana kita sudah pergi 'detail' menyebutkan bahawa 'basement' itu dikira sebagai satu 'storey', maka sama ada kesimpulan boleh saya buat di sini iaitu 'mezzanine floor' tidak dianggap sebagai satu 'storey'.

Bermakna bahawa kalau ada 5 tingkat - ground floor; first floor; second floor; third floor; dan fourth floor, dengan izin, tetapi kalau di antara ground dengan first floor itu ada mezzanine floor, maka apakah mezzanine floor itu tidak dianggap sebagai one storcy? Kalau ianya tidak dianggap sebagai one storey, bermakna, dengan izin, a five $\frac{1}{2}$ storey, will be exempted daripada dikenakan untuk pemeriksaan pada tiap-tiap 10 tahun. Itu pertama. Soalan saya, sama ada mezzanine floor ini dianggap sebagai satu storey ataupun tidak?

Dalam perkara yang sama, soal kedua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah penjelasan ataupun rasional di sebalik memilih angka 5 sebagai satu garisan di mana kalau 5 storey ke bawah tidak diperiksa; 5 storey ke atas akan diperiksa? Apakah rasional di sebalik nombor 5?

Saya bertanya ini kerana saya hendak mengambil kira berkenaan dengan walk-up flat di mana kita tahu bahawa walk-up flat ini selalunya empat tingkat dan selalunya ianya didirikan untuk golongan-golongan daripada yang kurang bernasib baik pendapatannya jika dibandingkan dengan bangunan yang 5 storey ke atas. 5 storey ke atas saya tengok trendnya sekarang ini, kita sudah jarang untuk mendirikan more than 5 storcy low cost flat. Dahulu ada, sekarang sudah tak ada. Sekarang ini kita tengok low cost flat, macam PKNS flat, kita tengok ia walk-up - walk-up maknanya 4 tingkat kadangkala, ground floor; first floor; second floor; third floor. 4 tingkat sahaja.

Sebabnya ia low cost kerana mengelakkan daripada perbelanjaan untuk menyediakan lif yang mana untuk menyediakan lif itu akan menyebabkan kos tinggi, jadi bila kos tinggi, maka tidak didirikan low cost flat lebih daripada 4 tingkat kerana ia memerlukan kepada lif. Lif bukan hanya setakat untuk kita sediakan, tetapi untuk maintenance, ia mahal. Sebab itu low cost flat sekarang ini kita tengok tidak lebih daripada 4 tingkat. Kalau dipilih 5 tingkat, ini bermakna bahawa Kerajaan hanya hendak menjaga keselamatan dan kebajikan orang-orang yang berada sahaja sebab kondominium kita lihat yang ada lif sampai 5 atau 6, semuanya lebih daripada 5.

Jadi bermakna bahawa Kerajaan hanya prihatin kepada kebajikan orang-orang yang berada sebab yang tak berada, dia akan duduk di low cost flat. Low cost flat tak mungkin lebih daripada 4 sebab saya sebut tadi, hendak mengelakkan daripada membina lif dan menjaga maintenance lif, maka low cost flat sekarang ini, trendnya ialah 4 storey ke bawah sahaja. Kita kena ingat, kalau kita lihat kepada flat-flat kakitangan Polis - Sarjan, Koperal, semua walk-up flat. Tentera, saya lihat daripada pelan rancangan untuk kediaman tentera-tentera, semuanya walk-up flat sebab saya sebut tadi, kerana hendak mengelakkan daripada membayar kos yang lebih untuk menyediakan lif dan maintenancenya.

Jadi saya tidak mahu nanti seolah-oleh Kerajaan ini hanya prihatin kepada masalah dan kebajikan orang-orang yang berada sahaja dengan mengenakan bahawa bangunan yang 5 tingkat ke atas sahaja akan dikenakan untuk diperiksa pada tiap-tiap 10 tahun. Apa yang berlaku pada hari ini kita tengok low cost flat - ini kita tahulah harganya murah, low cost. Jadi, sudahlah ia low cost, soal keduanya,

kerajaan tidak mengambil tahu sama ada selepas 10 tahun bangunan ini masih elok lagi untuk didiami ataupun tidak. Sebab itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, mengapakah dipilih 5? Apakah ini semata-mata kerana walk-up flat ini 4, jadi tak mahu ambil tanggungjawab, maka kita buat 5? Bila 5, maknanya cuma 5-storey and above.

Jadi saya rasa, dalam perkara ini, kita harus menjaga kebajikan orang yang kurang bernasib baik daripada kita sebab kalau tidak, siapa hendak membela mereka? Walk-up flat, low cost flat tidak akan lebih daripada 5 tingkat dan apabila ia dibina, sudahlah ia low cost, ia dibina, sudah tentu mesti ada masalah yang dihadapi 10 tahun daripada sekarang - ada crack atau apa, tetapi oleh kerana ia 5 storey and below, no inspection - not compulsory.

Jadi sebab itu, saya ingin mencadangkan supaya dikaji semula. Janganlah dikenakan lawatan berkala ini kepada bangunan yang 5 tingkat ke atas sahaja. Saya hendak supaya ianya kurang daripada itu kerana kalau ia kurang daripada itu, maka kita akan merangkumi segala flat-flat kos rendah yang didiami oleh mereka yang datang daripada golongan yang kurang bernasib baik termasuk flat yang didiami oleh tentera, didiami oleh polis dan juga macam-macam lagi kakitangan kerajaan yang mendiami flat low cost ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang ketiga, saya hendak bangkitkan di sini, mungkin saya tidak ada Akta Ibu di sini, tetapi kita semua tahu bahawa hasil daripada runtuhnya kondominium ini menyebabkan kita bertindak untuk memastikan supaya Akta ini akan mengawal perkara seperti itu tidak akan berlaku. Kita sudah tahu bahawa

kondominium ini adalah sebuah kondominium yang dibuat di lereng bukit dan di lereng bukit dalam sebuah negara Malaysia yang mempunyai iklim Equatorial, yang mempunyai hujan lebat 6 bulan sekali, saya rasa tidak sesuai untuk kita membina bangunan-bangunan tinggi di lereng bukit. Tidak seperti yang berlaku di Hong Kong - Hong Kong kita tahu bahawa tanahnya keras - ia batu sebenarnya dan ia tidak merupakan sebuah negara di mana iklimnya itu ialah iklim Equatorial yang mana hujan turun tidak berhenti-henti. Ia ada typhoon sekali-sekala, tetapi ia tidak ada hujan yang tidak turun berhenti-henti yang boleh menyebabkan ada perubahan topografi di negeri itu. Sebab itu kita tak boleh ikut cara Hong Kong.

Jadi, saya lihat di dalam Akta ini, tidak ada syarat bahawa di lereng bukit ini tidak boleh didirikan bangunan yang tinggi. Saya tidak bermaksud bahawa di lereng bukit ini tidak seharusnya dimajukan atau dibangunkan. Boleh dimajukan dan boleh dibangunkan, tetapi biarlah didirikan bungalows yang mempunyai satu atau dua tingkat, itu tidak mengapa. Tetapi kalau kita masih tidak mempelajari daripada masalah yang telah kita hadapi pada bulan Disember dahulu, saya nampak walau macam sekalipun teguh dan kukuh foundationnya pada ketika itu, tetapi kalau sekiranya di masa-masa akan datang ada lagi pembangunan yang lain dan juga ada hujan yang begitu lebat, maka masalah ini akan berulang kembali di masa-masa yang akan datang. Mengapa tidak boleh kita syatkan bahawa di tempat-tempat ini tidak boleh didirikan bangunan-bangunan tinggi?

Saya tengok di sini bahawa ada permintaan untuk didirikan bangunan yang begitu tinggi di gunung-gunung, di bukit-bukit.

Hendak didirikan hotel yang sampai 10, 11 dan 12 tingkat. Ini bermakna bahawa kita tidak mempelajari daripada masalah yang telah kita hadapi. Ini soal lereng bukit, iklim kita macam **ini**, kita kena tahu, jangan sekali lagi ia berlaku, barulah kita masukkan dalam Akta ini satu lagi peruntukan bahawa di lereng bukit tidak boleh didirikan bangunan yang tinggi.

Jadi sebab itu saya rasa bahawa walaupun Rang Undang-undang ini bagus, baik dan tujuannya ialah untuk mengatasi daripada kondo runtuh ini berulang kembali, tetapi saya rasa belum lagi cukup lengkap sebab kita tidak berani untuk mensyaratkan supaya lereng bukit ini tidak boleh didirikan dengan bangunan yang tinggi. Ini kita kena buat. Sebab itu saya rasa bahawa kalau benar-benar kita hendak mengatasi masalah kondo runtuh **ini**, kita kena berani dan kita syaratkan bahawa di lereng bukit tidak boleh didirikan bangunan yang lebih daripada 3 tingkat ataupun 2 tingkat.

Jangan kita kerana ada permintaan daripada orang ramai kerana hendak duduk dalam kondominium di lereng bukit kerana "view"nya cantik, maka oleh kerana ada permintaan (demand) maka kita tunduk kepada demand. Sebab kerana demand di kondominium di Hulu Kelang itulah yang menyebabkan beberapa orang telah terkorban apabila berlaku peristiwa seperti itu.

Saya tidak mahu perkara ini berulang lagi. Cukuplah sekali. Sebab bagi kita yang tidak mempunyai saudara mara yang terkorban pun kita terasa begitu terharu sekali apabila kita melihat dalam gambar macam mana kondominium itu runtuh dan kita tunggu sampai dua tiga minggu dengan harapan penuh supaya dapat diselamatkan mangsa-mangsa keruntuhan, walaupun akhirnya kita hampa. Kita tidak mahu lagi perkara ini berulang. Sebab itulah saya minta supaya dalam perkara ini kita harus lebih tegas dan kita memastikan supaya di lereng bukit ini jangan diizinkan atau dibenarkan untuk didirikan bangunan yang tinggi. Mungkin yang tiga tingkat ke atas jangan diizinkan dibina di lereng bukit ini.

Yang terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan parit. Saya hendak komen sedikit. Saya lihat di negara kita ini suasana parit di negara kita ini amat menyedihkan dan memalukan. Parit ini kita tengok ianya seolah-olah merupakan satu tempat sebagai tempat buangan sampah. Kalau di bandar kecil, di kiri kanan jalan ada parit dan di situ lah dihumbankan dengan semua kotoran yang tidak diperlukan lagi. Ini satu sikap yang tidak baik. Betul kita kata rakyat tidak sepatutnya buat demikian. Tetapi rakyat buat juga.

Jadi, sebab itu saya merasakan supaya parit ini kita pastikan supaya ianya ditutup. Jangan kita buat parit yang terbuka. Kita sudah lihat bahawa di negara-negara yang membangun, di mana juga kita berada, parit mereka adalah merupakan sistem parit yang tertutup. Sebab tidak sepatutnya parit itu pertamanya dibuka; kemudian apabila dibuka kita lihat berbagai sampah yang ada di situ. Apabila kita tutup, bermakna orang tidak boleh buang sampah di dalam parit itu dan kita kena pastikan apabila ia tertutup, kita juga tidak nampak apa juga najis yang ada di dalamnya. Dan ini akan menampakkan iaitu bahawa bandar kita bersih.

Saya ingin bertanya kalau sekiranya di negara-negara lain semua parit ditutup. Mengapa di Malaysia kita tidak syorkan supaya parit itu ditutup? Alasannya saya sudah sebut pada mula tadi, pertamanya; apabila ditutup, rakyat tidak boleh buang sampah lagi ke dalam parit. Yang keduanya; kalau sekiranya adalah najis yang lalu, maka kita tidak nampak dan ini akan menyebabkan bandar itu akan menjadi bersih. Saya rasa kalau kita syorkan supaya ianya ditutup, ini akan dapat sedikit sebanyak walaupun tidak sekaligus mengatasi, tetapi sedikit sebanyak mengatasi masalah parit yang kotor berlaku dalam bandar-bandar kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang hendak saya ucapkan. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah bertindak begitu pantas dan cepat iaitu kurang daripada setahun semenjak berlakunya insiden kondominium runtuh ini dan sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacub.

4.55 ptg.

Puan Kelsm binti Yaacub: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian memberikan pandangan dan pendapat dalam menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994.

Kalau dipandang kepada sudut keperluan, perkara ini adalah perlu diberikan perhatian dan patut dibuatkan satu garis panduan yang konkrit kepada mana-mana badan atau syarikat yang ingin melaksanakan kerja-kerja pembinaan ini. Ini adalah kerana pembinaan bangunan adalah satu-satunya keperluan yang membabitkan keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan bangunan adalah satu kemudahan yang pastinya memerlukan pembinaan dan penjagaan yang telici agar ianya elok, baik dan selesa untuk digunakan. Oleh itu adalah perlu satu kajian yang terperinci bagi pembinaan sesuatu bangunan dilaksanakan. Sekiranya kajian tidak dibuat dengan teliti, maka berlakulah apa yang terjadi pada Highland Towers tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, ianya juga perlu diambil perhatian yang serius kerana ini selalunya membabitkan nyawa dan harta benda. Pada pendapat saya setiap bangunan patut juga diberi perlindungan di bawah satu undang-undang. Kalau boleh setiap pemaju harus menandatangani suatu perjanjian dengan pihak kerajaan berhubung dengan apa jua yang berlaku kepada bangunan itu sendiri. Begitu juga dengan pelan-pelan yang telah dibekalkan hendaklah disimpan dengan sempurna bagi memudahkan pihak kerajaan mengesan pemaju yang membina bangunan itu sekiranya berlaku sesuatu kerosakan atau seumpamanya.

Saya juga berpendapat pihak pemaju harus juga dikenakan tindakan undang-undang sekiranya gagal melaksanakan projek sesuatu bangunan yang telah diberikan kepadanya. Jangan dilepaskan begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan selain daripada menyenaraihitamkan lesen kontraktornya. Saya rasa cara ini tidak memberi kesan apa-apa kepada pemaju-pemaju yang gagal melaksanakan kerja-kerja pembangunan sesuatu projek.

Tuan Yang di-Pertua, ada di antara bangunan setelah siap sahaja, tetapi tidak boleh diduduki kerana berlakunya keretakan ataupun sebagainya. Selalunya perkara ini berlaku dibabitkan dengan keserohan tanah ataupun berlakunya hakisan. Tidakkah kita terfikir bahawa ada juga berlaku keretakan ini disebabkan oleh kekurangan bahan binaan ataupun misalnya kurang bancuhan simen, saiz besi, kurang batu atau lain-lain lagi.

Saya rasa perkara yang sebegini harus juga diambil kira dan kalau perlu ini juga diambil tindakan undang-undang agar ianya tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Buat akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

4.58 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk berbahas di atas Rang Undang-undang Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994.

Disebabkan adanya terjadi tragedi bangunan-bangunan runtuh di beberapa tempat dalam negara kita di akhir-akhir ini terutamanya di kawasan tanah berbukit dan curam yang dalam. Sepatutnya perkara bangunan runtuh seperti ini tidak patut terjadi kalaulah pada awalnya semua pihak yang berkaitan seperti pemaja, perunding, kontraktor, kontraktor kecil, pemilik-pemilik bangunan bekerjasama dan sama-sama memahami dengan penuh ikhlas apa yang dikehendaki oleh tiap-tiap individu. Tetapi disebabkan ada pihak-pihak tertentu tidak begitu ikhlas, maka timbullah macam-macam angkara yang tidak diingini. Segala tanggungjawab pihak-pihak yang tertentu terhakis dengan sendiri dan di akhirnya terdapat projek-projek yang dibina dengan tidak sempurna dan sebahagiannya membawa kepada keruntuhan seperti yang terjadi di akhir-akhir ini.

Apa yang diambil tindakan sekarang oleh pihak kementerian untuk dikenakan tindakan-tindakan keras melalui pemindaan beberapa seksyen dalam Rang Undang-undang ini sangatlah tepat. Diharap dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, maka pihak-pihak yang berkenaan akan menukar perangai mereka dan akan mengikut panduan yang ditentukan.

Sudah tentu pihak-pihak yang berkaitan akan mengikut panduan-panduan yang ditetapkan itu. Diharap pihak kementerian juga memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya dan memper-tingkatkan segala program tindakan ini dengan betul dan dengan penuh bertanggungjawab.

Dengan demikian saya sokong Rang Undang-undang ini seperti tercatat di dalam Akta yang berkenaan.

Tuan Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

5.00 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian untuk menyokong Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam Akta ini dikatakan dalam Fasal 1 dan 2 ini hendaklah digunakan hanya untuk Malaysia Barat, dan saya dari Malaysia Timur, tetapi saya juga ingin mengambil bahagian oleh kerana saya berpendapat bahawa perkara ini adalah satu perkara yang merupakan "national interest" yang penting bagi negara kita yang sedang membangun. Tidak lama dahulu negara kita telah menghadapi satu masalah yang dikatakan sebagai "national disaster" iaitu dalam bulan Disember tahun yang lalu. Sehubungan dengan itu, saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan oleh kerana tindakan yang cepat dan tepat untuk mengemukakan suatu Akta yang bertujuan untuk mengelakkan perkara 'disaster', dengan izin, berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita dari Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak, saya rasa walaupun Akta ini tidak terpakai di situ, Akta ini juga relevant dari aspek-aspek di mana kita boleh belajar bagaimana dan sejauh mana kita boleh cuba mengawalkan ataupun cuba

mencegahkan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku kerana di Sarawak, tempat-tempat seperti di Bahagian Sibu dan Sarikei, tanah-tanah di tempat itu walaupun tidak mempunyai gunung atau lereng di mana ada rumah dan bangunan tinggi tetapi tempat itu merupakan satu tempat di mana dalam bahasa Inggeris dikatakan, 'peat soil'. Mungkin akibatnya dalam satu masa hadapan nanti berubah dari segi "the level of the water under the ground" dan ini akan mungkin menyebabkan bangunan yang ada di situ rosak di bawah, yang mungkin membawa kesan di mana bangunan yang tinggi ataupun yang ada di situ mungkin runtuh. Jadi, saya rasa ini adalah satu perkara yang boleh kita gunakan sebagai satu misalan atau 'lesson' nanti apabila kita membangunkan bangunan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin sentuh juga mengenai parit kerana bukan sahaja di Semenanjung ini tetapi di bandar-bandar besar di Sarawak seperti Kuching, Sibu dan lain-lain, banyak lagi parit yang terbuka. Saya agak bersetuju dengan rakan saya, Yang Berhormat Datuk Mohamed Nazri, di mana sepatutnya semua ini haruslah ditutup oleh kerana ini bukan sahaja merbahaya tetapi juga akan menunjukkan bahawa mereka yang bertanggungjawab, khususnya kerajaan, untuk membangunkan bandar-bandar kita, terutama bandar raya seperti Kuala Lumpur ini di mana ramai orang-orang dari luar negeri datang melihat bahawa banyak sampah-sarap ataupun parit-parit kita itu adalah penuh sahaja dengan sampah-sarap. Bukan sahaja melibatkan parit tetapi juga sungai-sungai kecil yang kini menjadi parit.

Jadi, saya merayulah kepada kerajaan juga, bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain supaya mengambil kira bagaimana caranya

parit-parit ini dapat diatur dengan baik, supaya boleh ditutup, supaya parit yang tertutup itu nanti boleh juga dikawalkan supaya jangan ada, dengan izin, 'erosion'¹ di bawah yang menyebabkan tanah di tebing yang akan runtuh nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Salleh bin Ali.

5.05 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Ali: Bismillaahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan berdiri pada petang ini, bersama-sama kita membahar Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1994 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akta ini dibentangkan disebabkan suatu tragedi yang telah berlaku dan telah meragut nyawa. Memanglah lazimnya akta itu dipinda, diubahsuai dan dikemukakan apabila ada sesuatu tragedi berlaku dan kita harapkan di masa akan datang, para pemikir hendaklah memikirkan sesuatu untuk kebaikan pengguna sebelum terjadinya tragedi.

Akta ini sah dan nyata diadakan disebabkan berlakunya tragedi di Highland Towers, Kelang baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya berdiri mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan kerana telah mengambil usaha yang amat gigih untuk memperbaiki di mana-mana kelemahan dan di mana-mana kekurangan untuk menjaga pengguna.

Apabila kita melihat dalam seksyen 70 merupakan satu pindaan yang amat luas telah diberikan. Saya rasa adalah amat elok sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan, hendaklah kita juga meneliti proses alam. Kerana kita banyak mendirikan bangunan sama ada di lereng bukit, di dalam paya, tebing dan sungai ataupun dengan menyekat laluan-laluan air yang mana laluan ini telah terjadi bukan setahun atau dua tetapi ribuan tahun terwujud, maka dengan pembangunan yang pesat, dengan menyekat laluan air ini menyebabkan ketidakstabilan di atas bangunan atau jalan dan perparitan yang kita adakan itu. Sebab itulah, sebelum sesuatu bangunan dibangunkan, kajian yang teliti, orang-orang yang profesional hendaklah dilaksanakan dengan secepat mungkin. Kerana kita tahu di dalam menjalankan pemeriksaan, pegawai-pegawai Penguatkuasa Tempatan telah mengarahkan orang-orang di bawahnya yang tidak mahir untuk menjalankan tugas-tugas dan orang-orang yang profesional ini menerima pandangan daripada orang yang tidak mahir. Maka keputusan yang dibuat tidak bertepatan dan tidak betul. Sebab itulah, dalam peristiwa kondominum yang lalu telah dinyatakan pihak yang silap dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Apabila kita lihat sesuatu pembangunan hendaklah dilaksanakan di dalam kawasan Majlis Tempatan, dalam kawasan Majlis Perbandaran, ada orang yang menguasai, tetapi kalaulah bangunan itu hendaklah dilakukan di luar kawasan ini, siapakah pula yang akan menguasai? Adakah kita serahkan kepada Pejabat Tanah atau Pejabat Daerah yang menguasainya kerana di Jabatan ini tidak ada orang yang mahir dalam bidang ini.

Ini juga perlu diambil kira, perlu dikaji dan perlu diteliti. Kita perlu sedar dan faham tentang masalah sesuatu pembangunan yang hendak disegerakan. Katakanlah, sesuatu projek yang perlu kepada menambak tanah dalam paya ataupun di pinggir sungai. Oleh kerana cepat hendak didirikan bangunan itu, belum lagi tanah yang tambak ini mampat, ntaka bangunan telah didirikan. Tambahan pula, orang-orang yang diamanahkan menyelia projek tidak begitu amanah, maka terjadilah sesuatu yang tidak diingini sama ada keretakan bangunan ataupun hakisan tanah yang mana kita sedia maklum kadang-kadang terdapat di projek-projek perumahan keretakan bangunan, keruntuhan tanah dan sebagainya. Inilah yang perlu kita jaga dan kita awasi.

Sekiranya Akta ini diluluskan, akan tetapi pegawai petugas yang diamanahkan ini tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin, maka peristiwa-peristiwa yang telah berlaku mungkin akan berlaku dan mungkin lebih dahsyat lagi akan menimpa pengguna. Sebab itulah, saya harapkan Kementerian dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebaik -ungkin dengan menambah pegawai dan kakitangan yang betul-betul mahir dan mampu untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Sebab itulah, di dalam membahaskan perkara ini, kita juga mesti melihat sebagai contoh pembinaan jalan-jalan yang melalui parit ataupun melalui anak-anak sungai ataupun melalui paya, hendaklah bersempadanan ataupun jalan ini hendaklah ada laluan air yang

dikaji, yang diteliti supaya janganlah pembangunan ini atau pembinaan ini akan menyekat laluan air itu, walaupun jalan boleh dipakai tetapi banjir berlaku di tempat yang lain. Sebab itulah, sesuatu pembangunan yang hendak dilaksanakan, perlu penelitian oleh kerana di negara ini ada musim tengkujuhnya, janganlah kajian itu dibuat pada musim kemarau dan diluluskan. Apabila dilaksanakan di musim tengkujuh, berlaku yang tidak kena. Maka yang disalahkan bukanlah orang yang bertugas tetapi disalahkan disebabkan yang lain. Setiap orang mesti pandai mendalihkan ataupun menunjukkan kesilapan kepada orang lain bukan kepada diri sendiri. Sebab itulah, sesuatu rancangan pembangunan hendaklah dibuat dalam dua iklim, musim tengkujuh dan musim kemarau. Kalau kita faham, kalau kita lihat sesuatu projek di musim kemarau, keadaannya amat kering dan berdebu. Tetapi apabila musim tengkujuh, air menakungi di kawasan itu. Ini perlu.

Kita juga perlu lihat di mana-mana projek pembangunan perumahan, bila musim hujan tiga empat jam sahaja, terpaksa pengguna berpindah-randah ataupun berpindah untuk menyelamatkan diri. Sedangkan, kalaulah sebelum pembangunan itu dilaksanakan, sistem perlongkangan, sistem perparitan, jalan dan sebagainya dibuat dengan teliti, banjir tidak akan berlaku. Sebab itulah, kita harapkan Kementerian meneliti supaya kelulusan sesuatu projek itu dengan tidak mengambil kira kepentingan individu yang bertugas menjalankan tanggungjawab ataupun kepentingan orang yang memajukan pembangunan itu sendiri. Tetapi kita mestilah memikirkan kepentingan pengguna. Itulah sebaik-baik keputusan yang harus kita lakukan.

Dengan itu; saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. Saravanan a/1 Veliadayar.

5.17 ptg.

Tuan V. Saravanan a/1 Yeliadayar: Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu inginlah saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya untuk berucap sepatah-dua ataupun mengeluarkan hujah-hujah saya mengenai Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah pun mengeluarkan hujah-hujah mereka di dalam ketiga-tiga hal ini dan saya tidak berniat hendak bercakap panjang kerana kita di sini telah pun ditakdirkan untuk menerima apa-apa Rang Undang-undang yang telah diluluskan, Jadi, saya berdiri di sini juga untuk menyokong Rang Undang-undang inilah.

Tetapi sebelum **ini**, saya ingin menegaskan di sini beberapa faktor yang pada pendapat dan hemat saya, perlulah disebutkan di sini. Yang pertamanya tentang pembangunan bangunan-bangunan yang diwujudkan baik di bandar ataupun di desa, mestilah diawasi sebelum ia dibina untuk diduduki orang. Kita memang sudah faham, kita ada undang-undang kecil, undang-undang besar dan undang-undang pertengahan. Kita ada pegawai-pegawai, pihak berkuasa, jawatan-jawatan yang tertentu, yang dipegang oleh pegawai-pegawai untuk

menguatkuasa, pegawai-pegawai penguatkuasa daripada baik di Majlis Perbandarankah, Majlis Daerahkah ataupun di mana-mana kawasankah, untuk mengawasi satu-satu bangunan. Janganlah kita tunggu sehingga masa bila dia runtuh, baru kita mencari jalan. Kita kena ada, kita kena ikhtiar. Kita kena ada dia punya cara. Apabila dia buat, sebelum bangunan itu didirikan, kita ada dia punya prosedur-prosedur di mana kita kena meneliti. Kita ada pihak-pihak yang tertentu, pakar-pakar yang tertentu yang pasti, yang ada dia punya kelayakan yang tertentu, yang sudah mahir di dalam sesuatu bidang, sama ada kaji tanahkah, kaji itukah atau kaji inikah, dia ada. Jadi, kita kena hantar untuk diperiksa, kita kena kaji tempat sama ada sesuai atau tidak tempat ini untuk membina ataupun mendirikan bangunan-bangunan serupa ini.

Memang saya duduk di dalam bandar, iaitu Bandar Bharu diisytiharkan sebagai bandaran, di sebelah utara. Di sana pun masalah ini timbul juga. Ada orang-orang yang duduk di dalam bandar walaupun ada sekatan dan perbatasannya di mana dia kena ikut peraturan-peraturan yang tertentu. Tetapi manusia ini ada satu perangai yang aneh, luar daripada dugaan, dia ingin juga buat kesilapan, baru dia tahu. Jadi, apabila dia ingin hendak membesarkan rumah, seperti tempat masak dia, dia mula buat kerja, boleh jadi di sebelah sini dia mula kerja pada hari Minggu ataupun hari Sabtu, di sebelah sana dia buat pada petang hari Khamis sebab hari itu separuh hari, pegawai tak ada, jadi dia mula kerja pula. Jadi, dia memang sudah tahu. Jadi, setakat bila dia buat permulaan, kalau kita ada pegawai-pegawai untuk menguatkuasa undang-undang, dia mesti tahu, Tetapi pada awalnya dia tak mahu kacau, dia tak mahu usik. Dia tengok, dia buat sahaja. Dia lalu di sana pun, dia buat. Bila semua sudah hampir siap, baru dia hantar notis.

Begitu juga bangunan-bangunan dan kuil umpamanya. Kuil itu didirikan bukan buat sehari, buat dua hari. Patung-patung itu semua sudah siap. Pihak berkuasa baru tahu, bila semua sudah dicat, hendak buat perayaan, hei, baru mereka sedar.

Jadi, saya mintalah pihak Kerajaan supaya mengadakan satu 'watchdog committee'. Tugas watchdog committee ini bukan sahaja duduk di bawah pokok untuk berteduh, dia kena jalan, dia kena ronda kawasan-kawasan tertentu, Seperti mana kata Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, dahulu pelawat-pelawat negeri kita ini bukan dia pergi

ke kawasan-kawasan pedalaman. Sekarang dia pergi ke kawasan pedalaman, dia tahu hal kedudukan yang sebenar, apa yang wujud; kawasan-kawasan persekitaran tanah itu macam-mana? Jadi, saya minta pihak kerajaan ataupun pihak kementerian yang berkenaan supaya berwaspada setiap masa. Biar malam dan siang, you kena berwaspadalah. Mungkin dia naikkan bumbung dia pada waktu malam pukul 12.00, you tak tahu. Besok pagi tengok, bangunan sudah wujud, ai, ajaib nampak ini! Jadi, baru nak bertindak, tak boleh, nasi sudah jadi bubur. Jadi, saya minta supaya kita mengadakan suatu jawatankuasa khas untuk meninjau ataupun meneliti sedalam-dalamnya dalam hal pembinaan sesuatu bangunan, baik di bandar mahupun di luar bandar.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga hendak sentuh berkenaan dengan jalan raya. Kerajaan kita ini sentiasa mengambil berat untuk mengadakan jalan-jalan yang berstandard. Jadi, dia ada satu piawaian, di mana dia boleh bina, setakat mana dia ada spesifikasi, macam mana dia kena buat jalan raya. Di bandar macam mana you kena ada, di kawasan perumahan macam mana, di kawasan perumahan kos rendah macam mana? Dia ada dia punya piawaian.

Jadi, saya harap sebelum tanah-tanah ataupun kawasan-kawasan ini dibuka untuk kegunaan orang ramai, pihak berkuasa mesti meneliti dan menilai adakah kawasan-kawasan ini ataupun jalan-jalan yang akan dibina ini ada mengikut spesifikasinya yang telah pun dimaktubkan dalam Perlembagaannya. Jadi, kita kena tengok. Satu kawasan perumahan, tak sampai dua bulan, jalan itu tak boleh dipakai, berlubang-lubang di sana-sini. Jadi, ini kesalahan siapa? Kesalahan pemajukah ataupun pihak yang' berkuasa yang telah keluarkan O.C.

certificate itu? Jadi, Majlis Tempatan kenalah mengawasi dan meneliti dahulu. Bukan pandang kepada ketua, 'Oh, ini sebab pemaju kawan saya. Okay, you datang ke pejabat saya, saya boleh luluskan ini. Tak apa-lah, syarat apa pun kita longgarkan sikitlah, fasal ini kawan;' Kalau ingat kawan, macam itulah tragedi kondominium berlaku. Sebab ini manusia yang jalankan. Kita ini semua manusia. Kita ada kelemahan, semua orang ada kelemahan. Kita bukan Tuhan. Kita bukan Malaikat. Kalau Malaikat, bolehlah. Ini bukan Tuhan, tetapi ini manusia biasa. Semua nafsu dia ada; baik pun ada, jahat pun ada. Jadi, kita kena patuhlah kepada arahan. Kita ingat arahan kita. Kita takut kepada Tuhan;

Tadi ada seorang kawan kata air sudah masuk bawah, betul. Ini memang ada. Tetapi di sebelah Utara, di sebelah Barat, 400 tahun, 500 tahun dulu lagi sudah ada bina kota-kota. Misalnya Birmingham Palace, berapa puluh tahun, berapa ratus tahun, tak jadi apa pun. Bukan di sana tak ada kena hujan, di sana pun kena hujan juga, bukan di Ampang sahaja. Di sana pun ada kena hujan, di sana pun ada hakisan, mesti ada. Semua tempat ada hakisan, kita pun tahu, sebab pada tiap-tiap hari ada dengar Ramalan Kaji Cuaca. Dia kata, 'Hari ini di sebelah Kedah tak ada hujan'. Tetapi buka-buka pintu, dia turun, lebat hujan. Tak tahu mana dia dapat kajian itu. [Ketawa] Jadi, ini nampak anih. Jadi, ini kesilapan siapa? Bukan kesilapan Tuhan. Manusia punya kajian ini.

Jadi, saya berpendapat ada kelemahan kita dan kita kena mengatasi kelemahan kita itu. Biar apa jawatan. Saya boleh jadi Yang di-Pertua Majlis Daerahkah, atau kerani di sanakah, atau peonkah, apa tanggung-

jawab saya? Kalau kita semua berpakat, sesiapa pun kena berpakat, sebab kerja ini semua ada berkaitan, peon ada berkaitan, Yang di-Pertua ada berkaitan, mandur ada berkaitan, pegawai penguatkuasa ada kewajipannya, jadi semua buat dengan beres, insya Allah, tak boleh berlaku sebarang kemalangan. Malapetaka tak boleh berlaku di negeri ini sebab Tuhan bersama kita, sebab kita sembahyang, semua orang sembahyang. Sebelum persidangan inipun kita sembahyang, ucap terima kasih kepada Tuhan. Sebelum persidangan mula pun, Tuan Haji Mohd. Salleh sudah baca Doa Selamat. Itu memang kita mengalu-alukan, sebab kita minta rezeki daripada Tuhan. Takkan Tuhan Yang Maha Penyayang itu hendak runtuhkan kondominium, tak ada. Ini adalah kelemahan manusia sesama manusia.

Yang ketiganya, kita bukan selalu hendak membina jalan-jalan yang besar-besar di bandar-bandar sahaja. Kita ada selalu dengar dibuat Lebuhraya Utara-Selatan dan Timur-Barat, untuk apa? Untuk tarik pelabur. Tetapi apa jadi kepada bendang-bendang, kampung-kampung dan ladang-ladang ini masih wujud jalan-jalan tanah merah **ini**. Perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu, dia sudah masuk banyak estet di sebelah utara, dia senyum sahaja, dia tahu, masih ada tempat yang tak boleh diterokai, ada banyak. Tetapi dia kata, kita ada lebuhraya. Lebuhraya memang adalah, tetapi bukan di semua tempat. Jadi, kita kena buat. Tak dapat rotan, akar pun cukuplah. Buatlah sedikit kepada kawasan pedalaman ini.

Perkara yang ketiganya tentang parit pula. Tadi Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri kata kena tutup semua parit dan buang semua, sebab dia ada rasionalnya. Dia kata, jikalau tutup, tak boleh nampak najis, sampah sarap tak boleh nampak, itu memang ada satu rasionalnya,

tetapi adakah itu cukup? Kita kena kaji. Kita ada Jabatan Parit dan Saliran (JPS). Apa tugas JPS ini? Dahulu 'Jabatan Parit dan Taliair', sekarang 'Jabatan Parit dan Saliran'. Jadi, apa dia punya tugas? Dia sudah tahu dalam satu hari berapa bilion tan sampah sarap keluar? Berapa buah rumah ada? Satu rumah berapa kilo sampah dia buang dalam ini? Dia kena tahu. Dia kena ada incinerator untuk membakar tempat **itu**. Sekarang mana ada incinerator? Dia pergi kabus sana, kabus **sini**. Dia korek lubang, dia bubuh sana. Bila sudah penuh, dia bubuh sana, lama-kelamaan semua tempat jadi **begini**.

Jadi, kita mesti mempunyai satu sistem dan kita mesti mempunyai satu tempat yang khas.

Sebelum kita buat projek perumahan, sebelum Majlis Perbandaran memberikan kelulusan, sama ada bagi mendirikan kondominium, rumah pangsa, pangsapuri atau sebagainya, kita juga hendaklah mengkaji berapa orang, berapa kelamin yang akan tinggal, misalnya 200 orang kelamin, tiap-tiap orang hendak menggunakan berapa banyak gelen air? Air itu hendak ditakung di mana dan di mana ia hendak mengalir? Jadi, dia hendaklah mempunyai strategi yang betul dan sebelum itu dia kena menunggu kelulusan dahulu.

Saya tinggal di sebelah Utara, saya memang tahu. Ada juga orang atau ada gergasi-gergasi yang hendak membuat kilang-kilang besar. Dia tidak menghiraukan sama ada dia dapat atau memperolehi kebenaran dari Majlis-majlis Tempatan atau Majlis-majlia Perbandaran, mereka tidak peduli. Dia beli tanah. Dia dirikan kilang. Selepas itu dia kata apa yang kerajaan mahu? Kalau kena denda dia boleh pergi bayar.

Baru-baru ini saya diberitahu ada satu orang yang berkemampuan juga, dia sudah membina sebuah kilang, jadi Majlis Tindakan Daerah telah mengambil tindakan ke atasnya. Dia kata "You, mari, you sudah silap, you sudah melanggar undang-undang, you kena mendapatkan kebenaran sebelum you membuatnya". Dia datang, apa you mahu? You

kena denda RM100,000. Ha! dia gelak, dia bayar denda RM100.000 - kemudian dia jalan.

Mengenai sungai-sungai yang ada berhampiran **itu**, saya memang setuju dengan Yang Berhormat Datuk kata dahulu, di belakang rumahnya ada sungai, dia pergi mandi dengan isterinya, sekarang sudah tidak ada langsung. Dia mengatakan dahulu dia pergi mandi bersama isterinya, semasa dia remaja dahulu, dia mandi. Tetapi sungai itu semua tidak boleh digunakan lagi. Ikan semua mati, mengapa? Ini adalah disebabkan RM100,000 denda. Ini perkara kecil, Tetapi apa akibatnya? Air itu mengalir berapa luas kawasannya? Berapa jauh dia mengalir? Bagaimana dengan ikan dan akuakultur, apa akan jadi? Berapa ekor binatang yang meminum **air**, tetapi sekarang tidak boleh menggunakannya lagi kerana sisa-aisa kilang, semuanya masuk ke dalam sungai. Air itu sudah tercemar, macam mana bendak diminum? Jadi perkara ini mesti dikaji atau diambil berat oleh kementerian ini.

Oleh itu saya minta tindakan mesti dibuat sebelum kita membenarkan sesuatu kawasan dibuka, atau sebelum kita beri kelulusan, bukan selepas buat baru mendapat kelulusan. Bukan benarkan orang masuk dan duduk dahulu. Sebelum mendapat O.C. mereka sudah masuk, macam mana kita pun tidak tahu, orang sudah masuk, walaupun tidak ada O.C. mereka telah masuk, mereka pergi duduk. Bagaimana mendapat kunci, kita pun tidak tahu? Adakah mereka mendapat kebenaran daripada Majlis Tempatan? Tidak **ada**. Jadi perkara ini masih wujud dibanyak tempat. Ini adalah kelemahan manusia. Jadi

perkara ini mestilah diketatkan. Bila kita ketatkan 'nut' itu, barulah semua boleh dijalankan dengan betul - memang kita ada kuatkuasa, kita ada undang-undang. Kalau tidak kita gubal undang-undang buat apa? Kalau orang tidak mahu ikut, kalau ada orang mengatakan "Tidak apalah, RM100,000 - itu senang pada saya". Dia boleh bayar, tetapi dia tidak tahu akibatnya, sama ada pembinaan kilang di situ membawa keuntungan, mungkin dia membawa keuntungan untuk segolongan kecil sahaja. Dia boleh mendapatkan pekerjaan mungkin untuk 50 orang atau 100 orang, itu bukan cukup. Tetapi apa yang telah terjadi sekarang, bila wujudnya kilang, pencemaran telah berlaku di sana.

Orang-orang yang telah bekerja di sana selama 3, 6 atau 7 tahun menganggur - tidak ada kerja. Tetapi kita membawa masuk orang dari luar, separuh kemahiran semua masuk, tidak mahir pun tidak apa - masuk, orang luar masuk. Dia sanggup kerja dengan gaji RM7 atau RM8 sehari. Orang di sana dia tidak mahu bekerja, kerana pada masa dahulu dia kerja gaji RM9 sehari, sekarang gaji RM7 sehari macam mana? Dia tidak mahu. Jadi inilah masalah yang timbul dan kita kena kajilah. Sebab sebelum kita memberi kelulusan kita hendaklah berhati-hati kerana orang yang mendirikan kilang ini bukanlah orang kecil. Dia mesti direstui oleh sesuatu pihak - dia mesti direstui oleh sesuatu pihak, siapa itu pihak? Manusia jugalah. Tetapi bukan manusia biasalah, macam kita punya Dato' ini dia orang kecil. Jadi, kita kena prihatinlah, kita kena tengok dan kita kena bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah niat saya hendak menuduh atau hendak marah - tidaklah. Tetapi itu hanyalah pendapat atau hemat saya, Jadi, dengan kata-kata itu saya dengan ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskannya dan saya menyokong Rang Undang undang **ini**. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan Dato' Mohd. Radzi.

5.35 ptg.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibincangkan ini dan saya fikirkan Rang Undang-undang ini perlu dan patut dilaksanakan dengan segera.

Sungguhpun begitu, saya merasakan kementerian hendaklah juga memperlihatkan lain-lain perkara yang bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini. Oleh sebab saya rasakan kementerian tidak semestinya hanya memikirkan mengenai pelaksanaan dan juga penguatkuasaan undang-undang serta penggubalan undang-undang yang baru, untuk kawalan dan sebagainya. Tetapi juga untuk mencari jalan supaya menyelaraskan apa-apa masalah yang dihadapi oleh semua pihak dalam satu industri itu dibuat dengan cara yang saksama. Saya berkata demikian, oleh sebab saya fikirkan Rang Undang-undang ini lebih melibatkan pemaju-pemaju perumahan. Ini juga bermakna menyentuh industri perumahan.

Saya juga berfikir industri perumahan sekarang adalah satu daripada industri yang mempunyai cukup banyak Akta, cukup banyak peraturan. Its stifled, dengan izin, dengan beberapa undang-undang

dan sebagainya.

Kalau kita lihat seseorang pemaju itu sebelum ia mendapat untung terpaksa menjalankan tugas mereka ataupun usaha mereka bertahun-tahun. Pada mulanya hendak cari tanah, hendak cari tanah bukan senang, hendak beli tanah dan sebagainya. Sudah beli tanah hendak buat pecah lot, hendak pecahkan lot hendak pergi Pejabat Tanah bukanlah satu perkara yang mudah, bukan seperti kita hendak membaharui lesen kereta, boleh dapat dua-tiga hari. Selalunya ini memakan masa berbulan-bulan, setengahnya pula bertahun-tahun. Sudah dapat kelulusan tanah pula, mereka terpaksa juga mempunyai lesen pemaju perumahan dengan pelbagai syarat. Hendakkan modal beratus ribu, hendakkan **itu**, hendakkan ini dan sebagainya. Ini juga memakan masa berbulan-bulan. Selepas itu pula bila sudah habis mereka terpaksa juga kalau tidak salah saya sekarang ini menentukan mereka memenuhi syarat mengenai jual-beli, membuka akaun pembeli rumah dan sebagainya.

Selain dari itu juga mereka terpaksa memasukkan pelan. Pelan ini banyak, pelan rumah, pelan elektrik, pelan **air**, di mana saliran **air**, di mana saluran untuk Bomba diadakan dan sebagainya. Sekarang ini pula kita hendak beri lagi satu, iaitu pelan untuk mengerjakan tanah. Jadi saya rasa banyak lagi, saya tidak tahu apa nama Akta-akta yang terpaksa diadakan, yang setahu saya, seseorang pemaju itu kalau hendak memasukan pelan terpaksa memasukan pelan berpuluh-puluh salinan, hendak diberi kepada berpuluh-puluh jabatan. Kemudian itu barulah bila sudah diluluskan semua tidak tentulah 5 bulankah atau setahun atau dua tahun barulah ia boleh membina rumah. Kalau saya ambil contoh, katalah di Ipoh yang saya tahu sebelum seseorang pemaju boleh membina sebuah rumah, selepas pelannya itu diluluskan ianya terpaksa pula membina jalan, parit mengikut standard yang telah pun diluluskan.

Ini juga memakan masa berbulan-bulan. Masa itupun tidak apalah. Tetapi bagaimana pula dengan kewangan? Di sinilah kita nampak sudah hampir 30% daripada modal telah keluar, kita belum lagi tahu sama ada rumah itu boleh dijual ataupun tidak. Apabila telah mendapat kelulusan daripada Pihak Penguasa Tempatan yang mengatakan bahawa jalan itu sudah cukup standard dan parit pun sudah ikut sukatan maka barulah dia boleh membina rumah dan selepas itu mengambil deposit.

Kalau kita fikirkan dari segi masanya yang dia sudah mulakan usaha untuk memajukan rumah sampai hendak dapatkan 10% itu ialah bertahun-tahun. Di sinilah saya rasa Kementerian terpaksa memikirkan bukan sahaja dari segi pemaju, oleh sebab kita boleh kata mereka untung. Tetapi kalau lambat sangat, holding 'cost'nya lama, 'interesc'nya lebih, siapa yang hendak membiayai perbelanjaan yang berlebihan itu? Tidak lain dan tidak bukan, bukannya pemaju tetapi adalah pembeli rumah. Dengan izin, 'whatever cost is being passed to the consumer'. Jadi, kalaulah kita biarkan perkara seperti ini, saya rasa harga rumah sudah tentulah tidak akan turun tetapi yang sudah tentu ialah, ia akan meningkat dan meningkat dengan kadar yang cukup-cukup tinggi. Inilah saya rasa satu daripada perkara yang Kementerian elok fikirkan supaya pengguna/rakyat dapat membeli rumah yang lebih murah. Kalau RM1,000 murah pun, ianya masih lagi mahal, banyak bezanya.

Dalam perkara ini saya rasa kalau boleh kita adakanlah satu cara untuk mengkaji supaya pemaju-pemaju tidak menghadapi masalah

dari segi mendapatkan kelulusan pelan yang tidak begitu lambat. Begitu juga hendaklah dicari jalan hendak mempercepatkan semua formality supaya pemaju-pemaju dapat membina rumah dengan cepat. Saya harapkan juga lain-lain perkara seperti 'substandard road' yang sudah dibawakan tadi dan sebagainya tidak berlaku. Dengan cara ini juga kita dapatlah menentukan industri perumahan kita ini akan dapat berkembang dengan lebih pesat dan apabila berkembang dengan lebih pesat saya rasa barulah Kerajaan dapat mencapai matlamat untuk menentukan rumah-rumah dapat dibina dengan cepat, dengan mudah dan lebih-lebih lagi rakyat akan dapat rumah yang selesa untuk didiami oleh mereka.

Itu sahajalah pendapat saya yang saya sarankan mengenai Akta ini dan sekali lagi saya menyokong Akta **ini**. Sekian.

5.45 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini bagi menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994.

Seperti kita maklum, jalan adalah lebih penting untuk kegunaan kita berjalan ke mana-mana tempat yang kita hendak tuju. Di sini saya ingin juga mencadangkan, kalau dapat, oleh kerana kebanyakan jalan-jalan di pedalaman dan juga dalam bandar, apabila jalan sudah siap dibina kemudian datang pula kontraktor yang lain untuk mengorek balik jalan itu. Ini menyusahkan pengguna-pengguna jalan raya untuk melalui jalan tersebut. Sebelum membina jalan ini tidakkah diadakan rundingan di antara kontraktor-kontraktor berkenaan untuk membina jalan itu dengan lebih teratur.

Apabila kita melintas sesuatu jalan raya kita selalu melihat kontraktor-kontraktor ini menjalankan kerja pembinaan di atas jalan tersebut. Ini menyusahkan kita melalui jalan itu oleh kerana sempit dan ini boleh menyebabkan kemalangan oleh kerana tidak ada tanda-tanda memujuk kerja membaiki jalan sedang berjalan. Oleh itu saya berharap pihak-pihak berkenaan seperti Majlis Tempatan dan pihak JKR boleh berunding dahulu. Sebelum membina jalan hendaklah difikirkan sama ada kerja itu boleh dibuat, dengan izin, within the area. Kadang-kadang setelah jalan itu disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya, datang pula pihak Lembaga Letrik untuk membuat tiang elektrik dengan membawa mesin penggorek dan menggorek tempat itu dan ini mendatangkan masalah juga. Begitu juga setelah Lembaga Letrik siap membina tiang elektrik di jalan raya, datang pula Telekom menggorek jalan itu dan kita dapati kerja-kerja ini mengganggu perjalanan lalu-lintas dan juga merosakkan jalan.

Walaupun beberapa kali mereka menjalankan kerja penurapan jalan raya tersebut, datang pula kontraktor daripada Jabatan Parit menggorek jalan itu disebabkan oleh longkang yang tersumbat pula. Dia bawa 'excavator', dengan izin, dan dia korek lagi. Ini menyusahkan. Jalan raya itu menjadi sempit disebabkan hendak membuat 'culvert', dengan izin, untuk mengelakkan longkang itu daripada tersumbat. Saya berharap pihak-pihak yang berkenaan seharusnya berunding di antara satu sama lain dalam masalah ini. Saya rasa inilah yang penting. Kalau kita tidak berbuat demikian maka itulah sebabnya datang jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menggorek jalan itu dan ini mendatangkan bebanan kepada kita.

Oleh itu saya haraplah Kementerian berkenaan bersama-sama, 'to sit around of one table' dan berunding bagaimana untuk membuat cadangan 'for the Euture' supaya masalah ini tidak berulang, Saya rasa itu patutlah difikirkan oleh kita sebelum membina jalan raya oleh kerana ia adalah penting bagi kita untuk melawat dari satu tempat ke satu tempat.

Juga saya ingin menyentuh mengenai pembangunan oleh Majlis Tempatan. Majlis Tempatan ini saya rasa lebih bagus kalau ada undang-undangnya sendiri. Tetapi kebanyakan kita lihat apabila pemaju-pemaju hendak memulakan kerja pembinaan perumahan atau bangunan, Majlis Tempatan menetapkan bangunan itu 4 tingkat. Tetapi apabila sudah siap dan mendapat A.P., developer pun hendak mencari untung yang lebih, maka dia tambah lagi 4 tingkat menjadikan 8 tingkat. Itulah yang menjadi masalah lebih-lebih lagi di Sarawak - ini saya ambil contoh - tetapi apabila sudah diberi setakat 4 tingkat dan sepatutnya Majlis Daerah memberi kebenaran setakat 4 tingkat dan kalau selebih daripada itu mungkin kita akan denda mereka. Tetapi denda itu tidak seharusnya kecil. Kalau kecil, memang dia akan buat banyak lagi oleh kerana dia mendapat keuntungan.

Itulah pandangan saya dalam pembinaan bangunan ini. Juga apabila kita menghantar pelan kepada Jabatan Tanah, maka Jabatan Tanah akan meneliti pelan itu. Tetapi dalam memproses pelan, Jabatan Tanah akan memberi tahu kepada pemaju, kita 'encroach', dengan izin, kepada Jabatan Parit. Jadi, terpaksa dipulangkan kepada Jabatan Parit lagi.

Itu melambatkan prosesan untuk kita membuat bangunan itu tadi. Oleh **itu**, pulang kepada jalan lagi. Jabatan Ukur dan Tanah berkata, itu terpulang kepada encroach Jabatan Kerja Raya. Oleh **itu**, saya lihat masalah-masalah itu selalu berlaku. Saya berharap, ini tidak akan berlaku walaupun banyak perkara berlaku apabila kita hendak membina rumah.

Selain daripada **itu**, saya berharap semua pihak berkenaan akan memberi pandangan bersama-sama untuk menjalankan semua urusan ini dengan licin. Dengan ini juga, saya sekali menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hanipah.

5.51 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1994. Saya hanya akan mengemukakan beberapa cadangan, tidak ada huraian yang begitu panjang untuk perhatian pihak yang berkenaan. Terutama sekali ke arah meningkatkan prestasi bahagian Pihak Berkuasa Tempatan, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan akan dapat menyediakan kakitangan yang lengkap, yang berkebolehan dalam semua bidang yang ada kaitan dengan Majlis-majlis Tempatan.

Yang kedua, untuk melicinkan lagi pelaksanaan hal-hal yang ada kaitan dengan Majlis Tempatan dalam semua segi pembangunan. Saya mencadangkan supaya satu badan seliaan kerja tempatan ditubuhkan di peringkat negeri bagi membolehkan segala pengaduan yang ada kaitan dengan pelaksanaan Majlis Tempatan disaran atau dikemukakan untuk mendapatkan tindakanperhatian pihak-pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan jalan. Pembinaan jalan, seperti mana yang telah

diperkatakan oleh rakan-rakan saya tadi menyentuh standard atau taraf jalan-jalan yang ada di Malaysia ini. Saya mengharapkan supaya pihak kerajaan akan dapat membina jalan-jalan yang amat bersesuaian dengan keadaan pembangunan negara sekarang, yang mana kegunaan jalan raya adalah meliputi kenderaan-kenderaan ringan dan juga berat. Saya mengharapkan kaedah-kaedah baru haruslah dicari supaya tidak sentiasa berlaku kerosakan jalan-jalan raya di negara kita ini. Saya kadang-kala juga menyoal apakah kaedah-kaedah yang telah dipergunakan oleh negara jiran, di sebelah Thailand. Bila kita melalui jalan-jalan di sebelah negara Thailand, kita amat berpuas hati dengan kaedah-kaedah pembinaan jalannya. Saya berharap kalau boleh kerajaan Malaysia, dengan apa juga hubungan yang ada, dapat mengkaji kaedah-kaedah kesempurnaan jalan yang telah diadakan di negara Thailand.

Keadaan jalan-jalan di negara Malaysia, kita nampak sekarang keadaan jalan lebuhraya amatlah baik. Tetapi kalau kita menjelajah jalan-jalan raya yang lama, keadaannya kadang-kadang amatlah menyedihkan. Saya berharap, pihak Kerajaan akan mengambil perhatian, selain daripada memperelokkan jalan-jalan lebuhraya, langkah-langkah wajarlah diambil bagi memperbaiki jalan-jalan lama yang menjadi laluan-laluan kepada masyarakat daripada golongan yang tidak begitu berada.

Tuan Yang di-Pertua, banyak tadi yang menyentuh berkenaan dengan parit. Saya juga bersetuju kalau kita berjalan di sepanjang jalan raya, kadang-kala kita dapati amat mengagumkan parit-parit yang ada di kiri dan di kanan jalan - yang kagun ini bukan kaedah-nya, tetapi ketidaksempurnaannya parit-parit yang ada. Jadi, saya berharap pihak yang berkuasa dapat mencari jalan supaya pertindihan

tugas dan tanggungjawab di antara pihak JKR dan JPS dapat diperbetulkan, kerana kadang-kala dari segi penguatkuasaan boleh mengelirukan pengguna-pengguna atau masyarakat secempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan juga pihak yang berwajib dapat manperelokkan suasana bangunan-bangunan di Majlis-majlis Tempatan supaya bangunan-bangunan lama tidak ada usaha untuk meruntuhkan. Ini saya agak satu benda yang penting untuk menjadi bahan sejarah kepada generasi kita yang akan datang, dan kalau dapat, dibaikpulihkan, dan semua bangunan-bangunan yang ada di Majlis-majlis Tempatan dapat dipereelokkan dengan apa cara sekali pun bagi menarik atau membolehkan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita akan dapat memberi penghargaan di atas keindahan suasana di Majlis-majlis Tempatan yang ada di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua itulah sebahagian daripada perkara-perkara yang dapat saya sama-sama mengambil bahagian dalam membahas Akta yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada lagi yang hendak membahas. Jadi, saya dengan hormatnya menjemput Timbalan Menteri menjawab. Silakan.

5.56 ptg.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjemput oleh Yang Berhormat untuk melibatkan di dalam perbahasan ini, saya tidak sangka 11 Ahli-ahli Yang Berhormat melibatkan diri dengan panjang lebar mengenai perbahasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Kerana pembentangan yang dramatik, itu saya rasa.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya terpegun dengan hujah-hujah Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana bukan sahaja melibatkan kementerian saya, tetapi juga melibatkan banyak kementerian lain. Sebab itu, saya rasa perkara-perkara yang disebut dalam perbahasan ini yang tidak saya jawab, saya harap kementerian-kementerian lain akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya setiap akta perundangan yang diperkenalkan sepatutnya tidak menjadikan ia sebagai satu usaha yang menyebabkan kita melakukan sesuatu kerana perundangan yang wujud. Kalaulah saranan Ahli Yang Berhormat supaya setiap individu melaksanakan tanggungjawab tugas mereka dengan amanah, jujur dan ikhlas, pastilah perundangan yang tidak memberatkan pun boleh menentukan perjalanan pentadbiran, pelaksanaan-pelaksanaan pembangunan dapat dilaksanakan dengan penuh kejayaan dan menepati matlamat, di samping menjamin kepentingan mana-mana pihak. Tetapi disebabkan oleh wujudnya unsur-unsur kelemahan-kelemahan insan, manusia, maka perlulah dari masa ke semasa peruntukan perundangan dipertingkatkan dan diperketatkan.

Saya ingin menerangkan di sini bahawasanya jauh sekali matlamat kerajaan dengan memperkenalkan perundangan-perundangan yang dimaksudkan pada hari ini ialah untuk membebaskan ataupun untuk melambat-lambatkan atau menyusahkan lagi mana-mana pihak untuk menentukan pembangunan negara berjalan dengan lancar. Saya bersetuju bahawasanya perundangan yang terlalu banyak boleh menyebabkan pentadbiran dan pembangunan tergendala dan memakan masa yang lebih panjang. Tetapi birokrasi-birokrasi yang sememangnya telah wujud ini sentiasa dikaji dan dipertingkatkan untuk diserasikan dengan keadaan semasa oleh kerajaan. Oleh sebab itu, walaupun sebahagian daripada peruntukan ini nampaknya seolah-olah memperberat dan menyusahkan lagi pembangunan, tetapi akhirnya untuk keselamatan semua, untuk imej negara dan untuk kepentingan negara, maka keperluan-keperluan yang dicadangkan ini adalah saya rasa wajar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Munisamy a/l Kuppan, Yang Berhormat Puan Kian Sit Har, Yang Berhormat Abdul Rashid bin Ismail, Yang Berhormat Dato' Haji Moharaed Nazri Abdul Aziz, Yang Berhormat Hajah Kelsom Yaacob, Yang Berhormat Haji Abdul Salam Awang, Yang Berhormat Ding Seling, Yang Berhormat Haji Salleh **Ali**, Yang Berhormat V. Saravanan, Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi Manan, Yang Berhormat Janggu anak Banyang dan Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, sesungguhnya telah mengemukakan pandangan-pandangan yang bernas dan saya menerima pandangan-pandangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Munisamy a/l Kuppan menyarankan supaya kita menggalakkan bumi hijau. Sememangnya, Perdana Menteri menggalakkan supaya bandar dalam taman diwujudkan. Sebab itulah, kita mempertingkatkan keupayaan kajian supaya negara kita bersih, indah dan peruntukan yang banyak diberikan sekarang ini untuk menentukan supaya, selain dari kesihatan, tetapi kecantikan negara kita, bandar dan majlis-majlis tempatan dipertingkatkan. Sebab itu, saya juga mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat supaya Pihak Berkuasa Tempatan peka dengan kehendak kerajaan supaya mengindahkan dan mencantikkan bandar-bandar kita dengan meningkatkan 'landscaping' dan sebagainya.

Mengenai tindakan yang lebih keras untuk menentukan pelaksanaan undang-undang, saya percaya itulah hasrat kerajaan dan itulah saranan kementerian kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan sebab itu kita akan mempertingkatkan lagi supaya lebih ramai orang yang berkemampuan dan ahli-ahli profesional di dalam Pihak Berkuasa

Tempatan untuk menentukan supaya pelaksanaan undang-undang dilaksanakan dengan sempurna dan baik dan segala perakuan-perakuan dan perisytiharan-perisytiharan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah berasaskan kepada kemampuan mereka yang memberikan kelulusan berkenaan.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har meminta supaya Biro Pembinaan diwujudkan di semua kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Memandangkan Biro ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya rasa ianya satu cadangan yang baik, tetapi kemungkinan agensi kementerian yang berkenaan seperti JKR dan juga Kementerian Hal Ehwal Pengguna boleh memikirkannya. Yang jelas, sememangnya kita mahu lebih banyak seminar-seminar dianjurkan untuk menentukan supaya kita dapat maklumat-maklumat mutakhir mengenai industri pembinaan supaya hasilnya ialah peningkatan mutu pembinaan dan juga boleh memuaskan hati pembeli-pembeli.

Kementerian menyarankan supaya peti-peti pengaduan diadakan dan juga pengguna-pengguna memberikan maklumbalas di atas apa-apa cadangan dan kelemahan-kelemahan mengenai perumahan dan sebagainya kepada kementerian dan kementerian mengumpul maklumat-maklumat ini dan daripada situlah kementerian dapat menyarankan pandangan-pandangan atau perubahan-perubahan yang baru demi untuk kebaikan industri pembangunan dan pembinaan.

Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Ismail mengharapkan supaya dengan adanya peruntukan-peruntukan ini tidak akan menyebabkan kelulusan pelan akan lebih merumitkan lagi. Kerajaan menggalakkan 'one stop agency' di setiap Pihak Berkuasa Tempatan supaya dengan itu proses meluluskan pelan-pelan, sama ada pelan bangunan atau pelan pembinaan kerja tanah dan sebagainya dapat dipercepatkan. Sebab itulah kita menggalakkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan mengadakan pelan-pelan setara untuk bangunan rumah, sama ada pelan setara bagi bangunan rumah murah ataupun pelan setara bagi rumah-rumah kos sederhana, yang mana sekiranya telah diluluskan terlebih awal oleh Pihak Berkuasa Tempatan, maka mana-mana pemaju dan mana-mana pihak yang mahu membangunkan projek perumahan boleh menggunakan pelan-pelan setara yang berkenaan yang telah pun diluluskan terlebih awal. Dengan **itu**, proses meluluskan pelan tidaklah memakan masa, seperti mana yang berlaku sekarang, yang memakan masa berbulan-bulan dan ada yang bertahun-tahun.

Kita menggalakkan pelan setara ini, bahkan kementerian akan mengadakan satu pertandingan untuk memilih pelan yang terbaik dan yang tercantik serta yang sesuai untuk projek perumahan kos rendah - ini peringkat pertama. Kalau kita berjaya, maka kemudahan ini akan juga dipanjangkan untuk rumah-rumah kos yang lain - kos sederhana mahupun kos tinggi. Tetapi yang jelas, kementerian sentiasa mencari jalan bagaimana proses untuk mempercepatkan kelulusan pelan dan sebagainya dipertingkatkan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz kerana mencadangkan beberapa cadangan yang saya rasa

cukup bernas. Pertama, persoalan mengapa lima tingkat menjadi penentuan pemeriksaan bangunan-bangunan tinggi. Bukanlah lima tingkat ini kerana kita ada 5 jari, tetapi sebenarnya 5 tingkat ialah penentuan sama ada sesuatu bangunan itu menggunakan lif dalam pelaksanaan projek perumahan sekarang. Lagi pun apabila kita mengenakan lawatan berkala kepada bangunan-bangunan yang lebih rendah daripada 5 tingkat ini, maka ia melibatkan perbelanjaan yang besar yang mana terpaksa dikenakan kepada tuan punya ataupun penyewa-penyewa rumah berkenaan. Sebab itu, kita jangkakan adalah lebih munasabah dan lebih ekonomik dikenakan kepada bangunan-bangunan yang lebih tinggi. Tetapi kementerian dan kerajaan tidak langsung memperjudikan ataupun mengabaikan keselamatan penghuni-penghuni rumah, walaupun mereka berada di rumah yang di bawah daripada 5 tingkat.

Kita akan menyarankan supaya agensi ataupun kementerian lain, misalnya seperti JKR dan lain-lain pihak berkuasa tempatan untuk membuat kajian **ini**, daripada masa ke semasa supaya menentukan keselamatan bangunan ini tidak terjejas atau tidak terancam kedudukan penghuni-penghuni dan tuan-tuan punya rumah berkenaan. Sebab itulah kementerian sudah menyarankan supaya Pihak Berkuasa Tempatan mengkaji kedudukan rumah-rumah pangsa - rumah-rumah yang dibina di atas lombong-lombong kerana kemungkinan, walaupun mereka dalam keadaan selamat sebagaimana penjelasan yang telah diberikan, tetapi oleh sebab masa yang panjang telah berlalu, kemungkinan-kemungkinan ada yang menyebabkan perkara-perkara yang boleh mewujudkan tragedi berulang.

Sebab **itu**, kita menyarankan supaya Pihak-pihak Berkuasa Tempatan peka dan prihatin dalam hal ini dan melihat serta mengkaji semua kedudukan bangunan-bangunan yang dibangunkan di kawasan-kawasan lombong dan di kawasan-kawasan tanah gembur dan sebagainya, supaya tragedi tidak berlaku. Walaupun kemungkinan mereka selamat, tetapi, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat, kita perlu melakukan sesuatu apabila berlaku sesuatu tragedi.

Persoalan sama ada mezzanine adalah dianggap sebagai satu tingkat - ya. Ia adalah satu tingkat dan di bawah takrif Undang-undang Kecil (Bangunan Seragam) 1984, mezzanine adalah satu tingkat. Jadi, kalau 5 tingkat campur mezzanine, maka bukan lima tingkat setengah, tetapi enam tingkat.

Mengenai pengawalan pembinaan bangunan di kawasan lereng bukit, sama ada kita patut tidak meneruskan pembangunan tinggi di lereng bukit. Yang pertama, saya ingin menyarankan bahawasanya tidak semestinya setiap lereng bukit itu tidak selamat untuk dibangunkan bangunan-bangunan. Bahkan pengalaman kita telah melihat bagaimana bangunan-bangunan tinggi telah pun dibangunkan di negara-negara luar yang sememangnya bersesuaian juga dengan 'climate' kita dan selamat. Yang penting ialah bagaimana unsur-unsur keselamatan seperti keteguhan bangunan itu diwujudkan.

Walaupun begitu, tujuan Akta ini ialah untuk menentukan supaya apabila bangunan-bangunan tinggi dibangunkan di lereng-lereng bukit, ianya mestilah mengambil kira keselamatan, kekuatan, kekukuhan bangunan-bangunan yang dibangunkan. Oleh sebab itulah rasa saya, walaupun kita tidak bercadang untuk menghapuskan sekali bangunan-bangunan tinggi di lereng bukit, ia tidak bermakna kita cuai dengan matlamat untuk menentukan keselamatan bangunan tinggi di lereng-lereng bukit. Selain daripada itu, pihak kementerian tidak ada kuasa untuk mencadangkan pengharaman pembangunan ini kerana ini di luar kuasa kementerian. Jadi, ia di bawah Land Conservation Act 1960 iaitu kuasa di bawah pihak berkuasa Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu, mengenai sama ada Akta ini lebih berkesan kerana kita tidak mengambil kira keadaan kawasan persekitaran di dalam menentukan kelulusan bangunan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang

Berhormat, Kementerian juga sedang mencadangkan satu pindaan Akta kepada Akta Pembangunan Bandar dan Desa di mana dalam menentukan kelulusan sesuatu bangunan kajian Environmental Impact Assessment (EIA) akan diambil kira termasuk juga bagaimana kedudukan kawasan-kawasan persekitaran bangunan yang memohon untuk mendapatkan kelulusan sama ada kawasan-kawasan persekitaran akan memberi kesan yang boleh dan menyebabkan keselamatan bangunan-bangunan yang dicadangkan itu tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri juga mencadangkan supaya walaupun ini termasuk dalam Akta **ini**, saya suka menyambut saranan beliau sama ada kita patut mengadakan parit-parit yang ditutup. Parit-parit yang ditutup **ini**, Tuan Yang di-Pertua, boleh dilakukan kalau infrastrukturnya sesuai. Kalau parit ini rendah, bagaimana kita hendak tutup dan bagaimana kita hendak cuci parit itu? Kalau parit itu tinggi, orang boleh masuk dan berjalan di bawah, mungkin kita boleh melakukan pembersihannya di bawah dengan tidak diketahui oleh orang ramai tetapi kalau sistem perparitan dan infrastrukturnya begitu rupa, maka pembersihannya mesti dilakukan di atas, maka malanglah sekiranya semua parit-parit ini tertutup dan selepas itu pembersihan tidak dapat dilakukan.

Di dalam hal **ini**, kita perlu membuat kajian yang mendalam dengan menentukan infrastruktur perparitan itu sesuai untuk menentukan sama ada ia boleh ditutup dan sebagainya. Untuk

peringkat awal, saya ingin membawa perhatian Ahli Yang Berhormat sekalian iaitu Sungai Segget di Johor Bahru. Sungai Segget, Johor Bahru telah pun ditutup tetapi keadaan sekarang nampaknya belum lagi memudahkan sebaliknya lebih menyukarkan kerja-kerja pembersihan. Sebab itulah walaupun pandangan itu baik tetapi kita juga perlu mengkaji secara mendalam.

Yang Berhormat Puan Kelsom mencadangkan supaya menggunakan bahan binaan yang lebih selamat. Memangnya spesifikasi bahan-binaan binaan tertakluk di bawah kawal selia Persatuan-persatuan Pemaju Perumahan dan peruntukan 70D Bang Undang-undang ini akan memberi kuasa mendapatkan sampel bahan-bahan berkenaan supaya ianya lebih selamat.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Haji Abdul Salam bin Awang kerana menyarankan supaya semua pelaksana undang-undang, semua pegawai-pegawai, semua mereka yang bertanggungjawab mesti melaksanakan tanggungjawab dengan ikhlas jujur dan menentukan 'akhirat' dalam pelaksanaan-pelaksanaan amalan mereka. Saya bersetuju.

Yang Berhormat Ding Seling meminta supaya Akta ini dipakai untuk seluruh negara dan bersetuju supaya saranan parit ditutup sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri dan saya telah pun menjawab. Untuk makluman, Akta ini adalah dipakai untuk seluruh negara.

Yang Berhormat Tuan Haji Salleh bin Ali menyatakan supaya kita menentukan pembangunan jangan mengikut musim tetapi mesti melalui semua musin. Sememangnya, kalaulah pembangunan hanya untuk semusim, maka musim akan datang tentulah rosak, berlaku tragedi. Jadi, dalam pembangunan mesti melalui proses semua musim, bukan dua musim tetapi berpuluh-puluh musim tetapi malangnya seperti mana yang dianjurkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini, kelemahan-kelemahan manusia, kecurangan-kecurangan dan tidak keikhlasan, tidak amanah mereka yang terlibat menyebabkan berlaku sampingan-sampingan dan tragedi-tragedi yang disebutkan itu.

Oleh sebab itu, perundangan yang dicadangkan inilah untuk menentukan supaya walaupun kemungkinan-kemungkinan yang berlaku tetapi kemungkinan-kemungkinan itu makin bertambah sempit dan sedikit disebabkan kerana penentuan denda yang lebih tinggi dan juga denda-denda yang memungkinkan mereka dimasukkan ke dalam penjara. Maka kita yakin, ini akan mengurangkan episod-episod yang memalukan imej kita di masa yang lalu.

Yang Berhormat Tuan V. Saravanan menyatakan kita telah ditakdirkan untuk meluluskan Akta ini. Sebenarnya kita perlu membincangkannya sebelum ditakdirkan diluluskan. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawasanya setiap bangunan sebenarnya tidak boleh dimasuki oleh sesiapa melainkan telah mendapat CFO iaitu 'Certificate of Fitness' ataupun 'Occupation'. Jikalau mana-mana pihak yang sanggup memasuki bangunan dengan tidak

mempunyai CFO maka risikonya ialah kepada diri mereka dan oleh sebab itu, rasa saya wajar semua pihak menentukan sebelum menerima bangunan ataupun menentukan bangunan itu menjadi hak mereka maka CFO mesti diperolehi.

Saya juga berterima kasih kepada Dato' Mohd. Radzi bin Manan kerana menyarankan supaya pembangunan negara tidak di 'stifle'kan dengan wujudnya perundangan-perundangan yang memperketatkan perjalanan pentadbiran. Rasa saya memang menjadi hasrat kerajaan untuk menyelaraskan semua undang-undang yang melibatkan satu industri dan sesuatu perundangan tetapi walau bagaimanapun ianya memakan masa untuk dikaji dan sebab itu kita berharap ianya mendapat maklum balas daripada mana-mana pihak supaya kita dapat mempertingkatkan keupayaan pentadbiran kita.

Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang minta supaya projek-projek ini selalunya mestilah diselaraskan pelaksanaannya. Ini sememangnya menjadi perkara yang amat lumrah di masa-masa yang lalu dan juga di masa sekarang. Walaupun telah berkali-kali disarankan supaya agensi-agensi kerajaan dapat berbincang supaya satu cara, matlamat pelaksanaan yang lebih bersepadu tetapi malangnya kita masih lagi tidak dapat mengatasinya kerana disebabkan oleh beberapa kelemahan misalnya peruntukan yang tidak sama, keutamaan (priority) yang tidak dapat diselaraskan dan berbagai-bagai perkara lagi. Walaupun begitu, kerajaan memang menyedari hakikat ini dan daripada masa ke semasa cuba mengurangkan masalah ini.

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad menyarankan supaya kakitangan yang lebih berpengalaman dan cekap ditempatkan atau diadakan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Berkuasa Tempatan sememangnya sekarang ini sudah pun memberikan peruntukan supaya Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai profesional-profesional yang diperlukan. Pihak JPA sedang berbincang; kita telah mendesak pihak JPA menyegerakan perlantikan profesional-profesional dan diharapkan dengan adanya pengisian jawatan-jawatan ini, maka Pihak Berkuasa Tempatan akan dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih baik dan berjaya lagi.

Itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan ini dan saya ingin menyatakan, perkara-perkara yang telah tidak saya sebutkan dan tidak dijawab akan diambil perhatian dan dengan itu saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURAND (PINDAAN) 1994**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.23 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohaned]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini bertujuan memberi perlindungan yang lebih luas kepada pemegang-pemegang polisi dan pihak yang menuntut di bawah kontrak insurans yang berkaitan dengan syarikat insurans yang digulungkan ataupun dengan izin, liquidated dan juga memastikan urusan berkaitan pembubaran sesebuah syarikat insurans itu dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi sektor insurans ~~motor~~ di negara kita adalah kurang membanggakan disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kebocoran premium, pembaziran disebabkan oleh penipuan oleh agen-agen insurans ataupun pihak-pihak lain, kos operasi yang tinggi dan penumpuan perniagaan insurans motor yang tidak sihat oleh beberapa buah syarikat insurans.

Masalah yang berlaku dalam industri insurans motor telah menyebabkan beberapa syarikat insurans am mengalami masalah kewangan yang teruk dan terpaksa digulungkan. Sebelum ini dua buah syarikat insurans telah pun digulungkan dan kes terbaru syarikat insurans yang menghadapi masalah ialah Syarikat Mercantile Insurance Sdn. Bhd. di mana Ketua Pengarah Insurans iaitu Gabenor Bank Negara telah

membuat petisyen di Mahkamah Tinggi untuk menggulungkan syarikat tersebut atas sebab-sebab berikut:

- (i) Mercantile Insurance menjalankan perniagaannya mengikut cara yang memudaratkan kepentingan pemegang polisi dan orang awam; dan
- (ii) Mercantile Insurance dalam keadaan solven sejak penubuhannya dalam tahun 1985 dan pemegang sahamnya gagal untuk menambah modal seperti mana yang disyaratkan oleh Ketua Pengarah Insurans.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Insurans yang ada pada hari **ini**, pemegang polisi dan pihak yang layak menuntut di bawah kontrak insurans yang berkaitan dengan syarikat insurans yang diperintah untuk digulungkan tidak mendapat perlindungan yang secukupnya.

Di negara lain seperti Amerika Syarikat dan Filipina, kita dapati bahawa perlindungan kepada pemegang polisi adalah lebih luas berbanding dengan negara kita. Kerajaan berpendapat, pengalaman negara-negara lain ini boleh kita gunakan untuk memastikan pemegang polisi dan pihak yang layak menuntut mendapat perlindungan yang lebih luas dan adil daripada syarikat-syarikat insurans.

Melalui Akta yang sedia ada, Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah Kumpulan Wang yang dipanggil Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang ditubuhkan di bawah Akta Insurans 1963. Ia ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pemegang polisi insurans am yang diperintah untuk digulungkan, tetapi ia hanya memberi perlindungan kepada pemegang polisi yang dikelaskan sebagai individu sahaja. Ini bermakna bahawa skop perlindungan di bawah Kumpulan Wang yang ada pada hari ini adalah terhad dan pindaan yang dicadangkan ini

bertujuan untuk memperluaskan skop perlindungan yang mampu diberikan oleh Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans.

Di bawah peruntukan yang sedia ada, pihak-pihak lain seperti syarikat atau perbadanan tidak diberi perlindungan sewajarnya di bawah Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans. Dengan demikian, mereka terpaksa menanggung dengan sendiri segala peruntukan insurans yang berbangkit. Kerajaan berpendapat bahawa, adalah perlu diperluaskan skop Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurana ini supaya pihak lain juga mendapat perlindungan dan dengan itu meletakkan kita di tahap yang sama dengan beberapa buah negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan cadangan untuk memperluaskan skop perlindungan, pihak kerajaan juga mencadangkan supaya kaedah-kaedah pengurusan Kumpulan Wang ini diperkemaskan lagi dan dijadikan lebih aistematik untuk memastikan tabung ini berupaya memenuhi tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pemegang polisi ataupun pihak-pihak lain yang menuntut. Ini termasuklah kuasa untuk mendapatkan sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini daripada punca-punca lain, misalnya melalui pinjaman selain daripada sumbangan melalui levi yang dibayar oleh syarikat insurans seperti yang diamalkan pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta yang ada, syarikat ataupun pihak Ketua Pengarah Insurans boleh mengenakan levi sebanyak 1% daripada jumlah premium yang dikutip tahun sebelumnya. Levi ini adalah untuk membolehkan Kumpulan Wang membayar pampasan ataupun memenuhi tuntutan yang dibuat. Pada masa ini Kumpulan Wang ataupun jumlah dana yang ada dalam Kumpulan Wang ini ialah kira-kira

RM53 juta.

Selain daripada memperluaskan skop Kumpulan Wang **ini**, kita juga bercadang supaya peruntukan undang-undang yang jelas diwujudkan bagi membolehkan kesemua polisi insurans ditamatkan pada tarikh berkuatkuasa perintah pembubaran syarikat insurans berkenaan dan baki premium dipulangkan kepada pemegang-pemegang polisi. Pada masa ini, di bawah Akta yang ada, langkah ini tidak boleh dilaksanakan. Kerajaan berpendapat, penamatan polisi insurans adalah perlu bagi melindungi kepentingan pemegang polisi dan pihak lain yang layak membuat tuntutan kerana syarikat insurans itu sedang dalam proses pembubaran, tidak berupaya untuk memberikan perlindungan insurans atau membayar tuntutan secukupnya.

Untuk melaksanakan cadangan yang saya nyatakan tadi, pindaan adalah dicadangkan ke atas seksyen 12 dan 29 Akta Insurans 1963. Pada amnya cadangan pindaan itu melibatkan perkara-perkara berikut:

Kita ada 4 faaal - Fasal 1 cuma menerangkan tajuk ringkas Rang Undang-undang; fasal 2 berkaitan dengan cadangan pindaan subseksyen (2) dan (4) pada Seksyen 12A Akta tersebut:

- (i) Pindaan yang dicadangkan memperjelaskan dan memperluaskan jenis-jenis pembayaran yang boleh dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans. Ini termasuklah selain daripada kutipan wang levi pada masa **ini**, wang pinjaman dan derma.

Oleh kerana kita kesuntukan masa, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Saya pun ingat tadi hendak postpone juga sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

